# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 8 RABU 22HB. FEBRUARI, 1978. 1398 رابو 14 ربيع الاول PERCHUMA


## BELIA2 MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA – TITAH



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di-perhimpunan sambutan Maulud pada hari Isnin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemarduli ka-Padang Besar di-sini untok menyertai beribu2 orang raayat Baginda dalam perhimpuan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Keberangkatan Baginda, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan lain2 Kerabat Diraja telah di-sambut oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Duli Yang Maha Mulia juga telah melafadzkan titah di-perhimpunan raksaksa itu. Titah Baginda sepenoh-nya ada-lah saperti berikut :

ALHAMDULLILAH, Beta bershukor kehadharat Allah s.w.t. serta selawat dan salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat2 serta kaum keluarga dan pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Dengan izin Allah kita umat Islam di-negeri Brunei berkumpul beramai2 pada pagi ini untok mengadakan sambutan dan perarakan bagi memperingati hari keputeraan junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang kita kasehi, semata2 untok mengenang dan memperingati kembali dengan semangat serta iman yang tegoh akan jasa2 dan bakti Baginda kapada umat Islam yang telah memberikan petunjok kita semua dari sejak datok nenek kita yang memboleh-kan kita bernaong di-bawah payong kebesaran dan kesuchian ugama Islam yang telah di-korniakan oleh Allah kapada kita dengan melalui Nabi Muhammad s.a.w.

Kebaktian dan jasa serta amalan2 saleh yang di-kerjakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu sudah semesti-nya patut menjadi chontoh tauladan kapada kita semua sa-bagai hamba Allah yang ta'at setia kapada ugama-nya. Dari chontoh2 tauladan itu juga kita akan mendapati bahawa tiada sa-suatu usaha dan susah payah yang berkebajikan yang di-kerjakan oleh sa-seorang itu akan di-sia2kan bahkan akan menjadi tanda dan ikutan kapada orang2 lain yang datang kemudian yang akan menyambong serta meneruskan usaha2 yang baik itu hingga menjadi-kan-nya sambong-bersambong turun-temurun.

Beta telah di-fahamkan bahawa sambutan Maulud Nabi pada tahun ini di-beri thema yang bertajok 'Belia2 Pengembang Shi'ar Islam'. Thema mengenai belia ini ada-lah satu thema yang sesuai dan baik kerana di-dalam mana2 negeri jua pun di-dunia ini kaum belia ada-lah merupakan gulongan yang terbesar dan jika di-pimpin dan di-berikan petunjok yang jujor lagi betul menurut ajaran Ugama Islam yang suchi maka insha Allah kaum belia akan dapat memberikan sumbangan ka-arah pembentokan suatu masharakat yang kukoh yang beriman dalam suasana dan keadaan yang aman damai lagi tersalamat. Di-negeri Brunei ini juga kaum belia merupakan sa-bahagian besar dari bilangan raayat dan pendudok negeri ini, mudah2an mereka ini nanti akan menyambong dan meneruskan satiap usaha dan pekerjaan yang berkebajikan yang telah dan yang sedang di-jalankan pada masa ini. Segala ranchangan dan pekerjaan yang di-atorkan pada masa ini ada-lah dengan niat dan tujuan bagi memajukan negeri kita supaya negeri yang sama2 kita chintai ini akan terus menekmati keadaan yang aman makmor lagi tersalamat, sejahtera untok salama2-nya. Tambahan lagi Negeri Brunei ada-lah sabuah negeri Islam yang mempunyai Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi negara dan yang berusaha ka-arah menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dan sempurna.

Chita2 dan niat kita yang suchi itu tentu-lah tidak mudah di-chapai hanya dalam jangka masa yang sengkat sahaja, ianya memerlukan tenaga2 yang banyak dan kuat dan juga tempoh masa yang agak lama sa-bagai satu sumber tenaga yang terbanyak di-negeri kita ini, maka ada-lah di-harapkan supaya kaum belia akan tetap mengambil peranan besar pada menchapaikan kita ka-arah chita2 yang suchi yang di-redhai oleh Allah itu. Kaum belia ada-lah alat yang berkesan untok mengembangkan shi'ar Islam di-seluroh pelusok rantau di-negeri kita ini menurut unsor2 yang di-redhai oleh Allah s.w.t. untok menjadi tenaga pengembang shi'ar Ugama Islam yang berkesan, maka belia2 mesti-lah mempunyai persediaan2 yang chukop dari segi akal fikiran dan ilmu pengetahuan dan budi pekerti serta perangai yang sempurna sesuai dengan ajaran ugama kita.

Sa-bagai mana beta telah memetek titah uchapan Paduka Ayahanda beta selaku Sultan dan Yang Dipertuan yang telah di-lafadzkan oleh Baginda pada tahun 1959 yakni hampir 20 tahun dahulu yang mana

Lihat muka 16

## Lebeh 30,000 sertai perarakan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lebeh dari 30,000 orang yang mewakili 132 buah pasokan di-Daerah Brunei dan Muara telah menyertai perhimpunan dan perarakan sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-sini pada hari Isnin.

Sa-lain dari itu, beribu2 orang dari berbagai2 kaum juga telah membanjiri di-sekeliling Padang Besar dan di-sepanjang jalanraya yang di-lalui oleh perarakan itu.

Pasokan2 yang mengambil bahagian pada mula-nya berkumpul di-Padang Besar untok mengikuti titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei; sembah alu2an Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim serta bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan berangkat memereksa pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perhimpunan tersebut.

(Lihat Muka 16)

## Mereka kutok perbuatan khianat pemimpin2 PRB di-luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ketiga2 orang yang telah di-siasat dan di-tahan oleh pehak keselamatan dan perisek sejak bulan Januari lalu kerana menjalankan gerakan subersib di-negeri ini telah menyatakan rasa kesal atas perbuatan jahat yang mereka lakukan di-samping mengutok perbuatan jahat oleh pemimpin2 Partai Rakyat Brunei yang telah di-haramkan dan berada di-luar negeri.

"Kami baru menyedari yang kami itu telah di-buatkan alat dan perkakas oleh pemimpin2 PRB yang berada di-luar negeri dengan janji2 palsu dan apa yang mereka lakukan itu ada-lah saperti taktik komunis", kata salah sa-orang dari mereka itu.

Ini telah di-nyatakan mereka dalam satu sidang akhbar di-sini Sabtu lepas, sa-jurus sa-belum mereka itu di-bebaskan.

Awang Johari bin Abdul Latif, 21 tahun sa-orang bekas penuntut SOAS dalam Tingkatan V, menyatakan bahawa beliau telah menerima arahan dari Ya'akub Muhammad sa-orang pemimpin PRB sekarang ini berada di-Limbang, supaya ia bersikap redikal dan perjuangan.

Dalam pertemuan-nya dengan Yassin Affandi dan Omar Tamin pula, katanya, mereka itu menyuroh-nya memperkuatkan perjuangan PRB sambil menyuroh mendampingi bekas orang2 tahanan serta mempengarohi belia2 di-negeri ini.

Lihat muka 16

## Islam - satu chara hidup yang lengkap dan sempurna

PEKAN BANGAR, Temburong.—Islam merupakan satu chara hidup yang lengkap, satu chara hidup yang semporna dan satu chara hidup yang meliputi segala aspek kehidupan kita satiap hari; menchari nafkah untok keluarga dan tanggongan masing2 ada-lah satu daripada-nya ibadah Islam.

Ibadah dalam Islam juga ia-lah saperti menyempornakan rumah tangga, memelihara anak isteri, mengusahakan pelajaran anak2, menjaga kebersehan kita sa-tiap hari, menjaga kesihatan, berbaik2 di-antara satu dengan lain, bertolong2an dan sa-umpamanya.

Ini telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan, dalam uchapan-nya dalam perhimpunan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-sini pada hari Isnin.

"Tiap2 kita yang di-pinjami umor dalam dunia ini ada-lah masing2 bertanggong-jawab kapada Allah s.w.t. di-akhirat; masing2 akan mempunyai laporan terhadap tiap2 sa'at kita berada dalam dunia, ia-itu terhadap perbuatan kita, terhadap rezeki yang kita terima, mengenai segala penggunaan harta benda kita, terhadap perantaraan kita di-antara satu sama lain, asohan2 yang telah kita berikan kapada tanggongan dan keluarga kita", jelas-nya.

Oleh sebab itu, tegas-nya lagi, wajib-lah kita mengingati tiap2 waktu terhadap ajaran2 yang di-turunkan oleh Allah s.w.t. melalui Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. untok umat manusia keselurohannya.

Jadi-nya, rapat yang di-adakan pada tiap2 tahun ini biar-lah antara lain merupakan satu perhimpunan untok merapatkan lagi silatulrahim di-antara satu sama lain pada membayangkan kekuatan dan betapa dinamik-nya tenaga raksaksa Islam jika di-himpunkan di-seluroh negeri ini. Ia-nya juga membayangkan satu raksaksa tenaga yang harus dapat di-satu padukan, yang dapat di-gerakkan untok memperkukohkan serta memperluaskan lagi usaha2 kebajikan yang di-redhai oleh Allah, jelas-nya.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya bahawa dengan keadaan yang terdapat yakni pengaroh2 yang bertentangan dengan ajaran2 Islam yang sedang menjalar ka-seluroh pelusok

Lihat muka 16



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

# DARI DEWAN MAJLIS




## Kerajaan sentiasa memperkuat dan memperkemas jentera pentadbiran

**YANG Berhormat Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, telah menjelaskan beberapa tegoran yang telah di-timbulkan oleh Ahli2 Yang Berhormat bukan kerana jawatan, ketika menyokong usol peruntokan perkhidmatan bagi tahun 1978 dengan mendahului dua rangkap pantun :**

*Sikunyir berlayar mudek,*
*Masok perlahan di-Sungai Pandan;*
*Walau ranchangan chantek dan molek,*
*Tanpa kerjasama wajah-nya muram.*

*Chandong pemarang ber-isi balan,*
*Awang Simaun dudok bertempoh;*
*Musoh datang pasti di-lawan,*
*Jujor dan jimat jadi amalan.*

Mengenai dengan chadangan yang telah di-timbulkan oleh Yang Berhormat Malai Haji Mashor, wakil dari Belait supaya hukuman kapada mereka yang melakukan zina di-negeri ini di-adakan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menganggap chadangan itu mungkin akan mendatangkan kebaikan atau sebaleknya. Hal ini, jelas-nya, penyakit tersebut sama juga saperti penyakit barah, dan ia-nya perlu mendapat kawalan dari semua golongan terutama ibu-bapa perlu mengawal anak2 mereka dari melakukan perbuatan itu dan jangan-lah ia-nya di-serahkan bulat2 kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama sahaja.

Yang Berhormat itu menjelaskan kapada Dewan Majlis berhubong dengan kemalangan jalanraya, di-mana kata-nya, korban kemalangan jalanraya semakin meningkat ka-angka 50 orang tahun 1977 yang lalu. Apa yang perlu kapada kita semua ia-lah untok mengelakkan atau mengurangkan kemalangan jalanraya yang sedemikian rupa itu, hendak-lah kita patoh kapada undang2 dan peratoran jalanraya itu sendiri.

Yang Berhormat itu menjelaskan tujuan2 peranchangan yang di-gariskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sapertimana yang telah di-titah oleh Baginda dalam Dewan Majlis, dapat-lah di-simpolkan kapada tiga tujuan : Pertama untok di-nekmati oleh raayat dan pendudok negeri ini; Kedua untok meninggikan taraf hidup raayat dan Ketiga supaya kemudahan2 asas yang di-sediakan oleh Kerajaan itu akan dapat di-jadikan supaya raayat mendapat rezeki yang halal.

Pada menchapai ketiga2 tujuan tersebut, jelas Yang Berhormat itu lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia senantiasa memperkuat dan memperkemaskan jentera pentadbiran-nya, sesuai dengan amalan2 yang ingin maju saperti yang di-sediakan dalam peruntokan tahun ini, dan terdapat beberapa tambahan pegawai di-beberapa buah Jabatan2 Kerajaan. Antara lain dengan tambahan ini, kata-nya, menunjokkan bahawa sikap Kerajaan ingin memberikan nekmat dan perkhidmatan2 yang chekap kapada raayat dan pendudok di-negeri ini.

Menjelaskan mengenai pembachaan Al-Kor'an bagi penuntut2, Yang Berhormat itu menegaskan bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengadakan pertandingan membacha Al-Kor'an bagi penuntut2 Sekolah2 Ugama ada-lah bertujuan untok meninggikan mutu pembachaan Al-Ko'ran di-kalangan penuntut2 itu sendiri.

Kata-nya, Sukatan Pelajaran Ugama yang ada ketika ini ada-lah di-gubal sejak tahun 1956, dan sejak itu perubahan2 semakin pesat. Kalau dahulu belajar mengaji Al-Kor'an di-jalankan di-balai2 tanpa ada hal2 yang boleh mengganggu pengajian itu, tetapi ketika ini suasana sudah berubah. Kerana itu Kerajaan telah mengkaji semula masaalah ini dan menganggap semua penuntut2 hendak-lah tahu membacha Al-Kor'an bermula dari sekolah rendah lagi.

Yang Berhormat itu menjelaskan lagi, mengenai dengan sukatan gaji bagi pegawai2 masjid, yang telah di-timbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail, di-mana kata Yang Berhormat Pehin O.K. Ratna Diraja bahawa Kerajaan sememang-nya menyedari akan kepinchangan sukatan sekil 'U' bagi pegawai2 masjid yang ujud ketika ini. Kerana itu-lah Kerajaan telah memikirkan perkara ini dan jika di-teliti dalam anggaran belanjawan yang telah di-luluskan, semua sukatan sekil gaji 'U' itu telah pun di-hapuskan dan di-ganti dengan sekil2 gaji dalam sukatan gaji umom.

"Kebanyakan sukatan gaji 'U' yang di-untokkan bagi Imam2, Khatib2, Bilal2 dan Merbut2, kini telah di-tukar kapada sekil 'D'," jelas Yang Berhomat itu lagi.

Menjelaskan mengenai pembenaan masjid2 yang selalu di-bangunkan dengan bantuan derma dari orang ramai di-negeri ini, Yang Behormat Pehin Mohd Zain, berkata, hal ini telah di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan saperti yang terkandong dalam anggaran belanjawan yang telah di-luluskan tahun ini, ada di-sediakan tiga buah pembenaan masjid baru yang akan di-biayai sepenoh-nya oleh Kerajaan; ia-itu saperti pembenaan masjid di-Kampong Burong Pingai Ayer, Kampong Junjongan dan Kampong Menunggol yang masing2 akan menelan belanja sa-banyak kira2 $70 ribu.

## Kerajaan sentiasa mengambil berat masaalah raayat

YANG Berhormat Dato Paduka Haji Othman bin Bidin, melahirkan rasa gembira-nya dan penoh perchaya bahawa Undang2 Pampasan Pekerja itu ada-lah satu perubahan yang sangat memuaskan kapada buroh2 di-negeri ini. Kerana dengan Undang2 itu, pada pendapat Yang Berhormat itu sendiri, merupakan suatu perubahan yang dapat menjamin dan menguntongkan masa hadapan buroh2 itu sekiranya mereka di-timpa sebarang kamalangan.

Yang Berhormat itu juga telah melahirkan terima kaseh-nya kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di-mana Kerajaan kata-nya, ada-lah sangat mengambil perhatian yang berat, bagi mengubah Pindaan Undang2 yang berkenaan.

Menyentoh masaalah 'buroh', Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman berpendapat bahawa buroh ada-lah merupakan suatu jentera bagi sa-sebuah negara, untok membolehkan negara itu menuju ka-arah satu kemajuan, dengan sebab itu Yang Berhormat berharap, pehak Kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian yang sepenoh-nya, berhubong dengan masaalah buroh di-negeri ini, mudah2an keselamatan mereka akan sentiasa terjaga.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman seterus-nya mengingatkan kapada buroh2 tempatan supaya mereka jangan sampai menyusahkan Kerajaan dan diri mereka sendiri. Menurut Yang Berhormat itu, ada di-antara buroh2 telah mendaftarkan diri ka-Jabatan Buroh, untok mendapatkan pekerjaan tetapi mereka sendiri mempunyai pekerjaan yang di-usahakan sendiri saperti menangkap ikan. Ini jelas Yang Berhormat itu, sangat tidak bersesuaian, kerana ia-nya akan merumitkan pehak Jabatan Buroh untok mencharikan mereka pekerjaan, di-samping menyusahkan diri mereka sendiri kerana menimbulkan sungutan, umpama-nya kerja2 yang di-maksudkan terlambat di-perolehi, atau tidak bersesuaian.

Mengenai masaalah penganggoran yang di-katakan oleh sa-bilangan raayat di-negeri ini, sa-bagai sa-suatu yang sudah berlaku, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman berkata, pada pendapat-nya, ini ada-lah satu perkara yang mustahil dan ia-nya memang tidak ujud.



Yang Berhormat Dato Paduka Awg Haji Othman bin Bidin.

Brunei kata-nya, ada-lah sa-buah negeri yang kechil, pendudok sedikit, pekerjaan banyak terdapat dan hutan rimba maseh luas untok di-usahakan. Kerana itu Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman berseru kapada belia2 di-negeri ini supaya mereka tidak akan sentiasa memileh apa jua pekerjaan, selagi apa yang kita boleh buat, mesti kita buat, jika kita benar2 bertujuan untok memajukan negara kita, ka-arah satu kemajuan yang di-chita2-kan oleh raayat sendiri.

## Pertahanan asas kesentosaan



Yang Berhormat Pehin O.K. Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

YANG Behormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud telah menarek perhatian Ahli2 Dewan, mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ketika merasmikan persidangan musim permashuaratan ke-15 yang lalu yang mana Baginda, akan terus menerus dengan tidak kendor2 menambahkan lagi usaha2 dalam aspek pertahanan dan keselamatan, samada yang di-kendalikan oleh pehak2 Pasokan Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei mahu pun Jabatan Keselamatan dan Perisek.

Ini menunjokkan bahawa keselamatan dan ketenteraman ada-lah menjadi perhatian berat, jelas Yang Berhormat itu.

Mengenai nasehat ahli2 Yang Berhormat terhadap pengendalian peruntokan 1978, Yang Berhormat itu terlebeh dahulu menguchapkan terima kaseh dan akan senantiasa mengingati nasehat2 itu, di-samping itu, jelas-nya lagi, langkah2 telah di-ambil untok menjimatkan perbelanjaan supaya perlaksanaan itu di-buat dengan berpatutan dan sesuai.

Kata Yang Berhormat itu lagi, dalam perkembangan yang akan di-laksanakan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, ia-lah penubohan sa-buah squadron Pasokan Kereta Kebal, yang bertujuan untok lebeh menguatkan lagi suasana pertahanan di-negeri ini.

Ranchangan sedang di-buat bagi pemuda2 berumor belasan tahun yang maseh menuntut untok di-ambil supaya memasoki chawangan Putera, di-mana latehan ketenteraan dan akademik akan juga di-berikan, jelas-nya.

Ketika menyentoh mengenai keselamatan jalanraya pula, Yang Berhormat itu melahirkan pendapat-nya bahawa ada-lah salah jumlah kemalangan di-jalan raya yang membawa maut semakin meningkat itu di-sebabkan jalanraya. Tetapi faktor yang utama ia-lah kechuaian pengguna jalanraya itu sendiri. Yang Berhormat itu berseru kapada pengguna2 jalanraya agar selalu berhati2 dan chermat — kerana sa-ratus peratus usaha2 Pulis itu tidak akan berkesan, kalau tidak ada kerjasama dari pengguna2 jalanraya. Tugas2 Pulis tidak hanya tertumpu pada satu aspek sahaja, jelas-nya.

# Economic census of business undertakings

THE Economic Planning Unit which has recently completed the Household Expenditure Survey over a period of twelve months is launching yet another survey this week, namely the Economic Census of Business Undertakings. The census will cover all the establishment in the country excluding units such as vegetable, fruit, meat and fish stalls. Apart from enquiring certain general particulars of the establishments such as the type of organisation, the ownership of capital, type of business, number of employees, etc., information will be sought on income and expenditure as well as on liabilities and assets of various enterprises. A set of schedules along with detailed explanatory notes have been drawn up which will form the basis of the proposed census. All the business undertakings have been divided into two categories, the first group consisting of limited companies and larger establishments and the second covering the remaining. In the case of the former, more comprehensive schedules are proposed to be canvassed and the information is required to be furnished for the three years 1974 to 1976 while for the latter, the data will be restricted only for the year 1976.

As a first step to the launching of this survey, the Economic Planning Unit undertook last year complete listing of all the establishments in the country both in the rural and urban areas. For the municipal areas of Brunei and Muara, Belait and Tutong Districts, the listing was done by the officers of the Economic Planning Unit while for the remaining areas, the collection was arranged through the field officers of the District Offices and the Ketua/Penghulu Kampongs. The frame (i.e. the list) so collected was further up-dated with the list of establishments maintained by the Labour Department and the list of limited companies in existence as obtained from the Treasury Department. In this manner a list of about 4,000 establishments (including stalls dealing in fruit and vegetables etc) has been finalised.

The economic census of business undertakings is being carried out under the Statistics Enactment, 1975 which came into force on 1st August, 1976. The completed schedules will be analysed in the Economic Planning Unit to build up a set of economically meaningful account enabling estimation of important aggregates such as gross domestic product by kind of economic activity, savings, sources and uses of funds, capital formation by type and by kind of economic activity, etc. The completed schedules are expected to be received by the end of April 1978.

The above census along with the Household Expenditure Survey and other enquiries/studies initiated by the Economic Planning Unit during the last couple of years or those proposed to be undertaken in the near future aim at development in the along run of a sound statistical system for Brunei. This is no doubt a laborious and the time consuming process but it is only through the development of such a system that the Government can expect to obtain a regular flow of data which are vital for policy and planning purposes.



## Moslem delegation flies in

BANDAR SERI BEGAWAN.—A delegation from the World Assembly of Moslem Youth arrived in Brunei last Thursday as a guest of Brunei State Youth Council. They included the Imam and Khatib of the Masjidil Haram in Mecca, Sheikh Abdul Aziz; the Saudi Arabian Deputy for Discipline and the Assistant Secretary-General of the World Assembly of Moslem Youth, Dr. Ahmad Totongi.

On Thursday afternoon, the group visited the Seri Begawan Religious Teachers College in Bandar Seri Begawan and Kampong Ayer.

In the evening, Sheikh Abdul Aziz delivered an address at the Omar Ali Saifuddin Mosque here. They left for Singapore last Friday.

Picture shows the Moslem delegation alighting from a plane.

## *Library opened in Bangar*

BANGAR.—People in the Temburong District now have knowledge on their doorsteps—a branch library of the Language and Literature Bureau, which was officially opened last Thursday.

The library, located in Bangar Town, is housed in newly-renovated building, which was formerly used as a store by the Agriculture Department, and can accommodate more than a hundred readers.

The fully air-conditioned building has a stock of more than three thousand books both in Malay and English.

Residents of the area are all invited to join the library.

## *Soccer training*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei National Soccer Team underwent their intensive training at the Gadong field in Bandar Seri Begawan last week.

The training programme is aimed at creating the highest standard so far achieved by the 22 selected players.

There was a youth international team trial last Tuesday and a full international on Wednesday. And on Thursday and Saturday there was team training for the National team.

Soccer players in Kuala Belait take part in a similar programme this week.

## Open national boxing championship

BANDAR SERI BEGAWAN. The Brunei Amateur Boxing Association is organising the 16th Open National Championship which is to be held on the 15th and 26th March.

Entry forms which are obtainable from the Youth Centre in Bandar Seri Bagawan and the Youth Centre in Kuala Belait should be returned not later than the 5th of March.

The winners of the competition will represent the State at the Inter-Territorial Boxing Championship wihch is to be held later this year in Brunei.

## Historical find at Subok

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Museum has annouced an important historical discovery of the tomb of a grand-daughter of Brunei's first known ruler, Sultan Mohammad Shah at the Moslem cemetery at Subok.

The tomb which has found last year but only now has part of the writing been made clear is dated 1408 A.D.

It is not clear when Sultan Mohammad Shah ruled Brunei, but according to Chinese historians, he was the State's ruler in 1370.

The Museum which says this could prove that Islam came to Brunei before the year 1370 and not in the 15th or 16th century as claimed by some historians is now trying to verify this.



THE final of the quiz competition for Primary Malay schools in Tutong division one was held last Tuesday morning at the Second Battalion's Malay School.

The Muda Hashim Primary School beat the Lamunin Primary School to win the competition.

Prizes were presented by the Tutong District Officer, Awang Yahya bin Haji Harris who was in turn given a souvenir by the organising committee.

There were 17 schools taking part in the competition which began a week ago.

The picture above shows the Tutong District Officer, Awang Yahya bin Haji Harris and Senior Officers of the Education Department watching the quiz competition in Tutong.

## *English language course for headmasters*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The English language course for headmasters started last Thursday at the English language project centre in Jalan Berakas.

The 20-week course attended by 14 headmasters from Malay schools throughout the State was officially opened by Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman, the Chief Scholarships and Welfare Officer at the Education Department.

The course is organised by the Research, Guidance and Planning Unit of the Education Department.

## Vaccination campaign

VETERINARY Section Staff have started a vaccination campaign of livestock as a precautionary measure following the death of six buffaloes in the Lamunin area of Tutong District.

The State Veterinary Officer has said matter is under investigation, and the presence of an infectious or contagious disease has not yet been established.

## Agricultural training

SINAUT.—Suitably qualified young men who wish to take up career in farming are invited to apply to the Sinaut Agricultural Training Centre which is offering a two-year course to train young men for commercial farming.

Applicants must be Brunei citizens, aged between 18 and 23, and should have passed Form Three at school.

Prospectus and application forms are available from district agricultural offices and must be returned not later than 28th February.

### Deputy Postmaster General

AWANG Yaakob bin Haji Ahmad is the Deputy Postmaster-General and not the Assistant Controller of Post as printed in this paper on page 4, last issue. The mistake is greatly regretted. —Editor.

# MATALAMAT RKN: TAMBAHKAN HASIL PENGELUARAN PADI — PUSB

**BERIKUT ia-lah uchapan penoh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim ketika merasmikan pembukaan Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada 2hb Februari yang baru lalu.**

**SAYA bershukor ke-hadharat Allah Subhanahu-Wataala, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua yang kita dapat beramai2 hadhir di-majlis yang permai ini.**

Saya sukachita menguchapkan setinggi2 terima kaseh kapada Pengarah Pertanian dan Jawatankuasa Pusat Latehan Pertanian, Sinaut, kerana menjemput saya hadhir serta merasmikan Pembukaan Pusat Latehan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untok menguchapkan terima kaseh serta penghargaan kapada Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei, Dato Seri Paduka Awang John Cordingley dan Pegawai2 Kanan daripada Sharikat itu di-atas kehadhiran mereka pagi ini.

Sa-bagaimana kita sama2 ma'alum, Pusat Latehan Pertanian ini ada-lah di-adakan atas usaha bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Sharikat Minyak Shell Brunei yang mana menunjokkan satu lagi bokti kerjasama yang rapat lagi mesra di-antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Sharikat Minyak Shell Brunei. Pusat Latehan Pertanian Sinaut ini telah bermula sa-bagai Projek Pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei, yang telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dalam tahun 1966 di-masa Baginda maseh Sultan, dan kemudian-nya tempat ini di-jadikan sa-bagai asas bagi Pusat Latehan Pertanian yang mana saya di-fahamkan ada-lah di-kelolakan oleh satu Jawatankuasa yang mengandongi ahli2 yang terdiri daripada Pegawai2 Kerajaan dan wakil2 dari Sharikat Minyak Shell Brunei. Segala bantuan dan kerjasama yang di-sumbangkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei itu sangat-lah di-hargai dan saya berharap kerjasama ini akan dapat di-teruskan bukan sahaja dalam bidang pertanian, tetapi juga dalam bidang2 lain yang bermunafaat kapada Negeri Brunei.

Dalam keadaan Negeri Brunei yang sedang membangun, kita seharus-nya-lah berbangga terhadap segala usaha yang di-jalankan bagi mempertinggikan lagi kechekapan dalam apa jua jenis perusahaan termasok bidang pertanian dan saya berasa amat gembira dan beruntong kerana dapat menyaksikan satu daripada usaha2 yang saya fikirkan sangat berkebajikan dan berfaedah ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sememang-nya memberikan perhatian berat kapada ranchangan2 pertanian dan segala langkah2 ka-arah memajukan bidang ini sangat-lah di-alu2kan. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan pada memberikan setinggi2 tahniah atas kejayaan dan kebijaksanaan pehak2 yang berkenaan yang menjalankan Pusat Latehan ini. Kapada penuntut2 yang telah menjalani latehan dan telah lulus, saya juga ingin memberikan tahniah yang setinggi2-nya atas kejayaan yang Awang2 telah chapai itu, dan saya berharap kechekapan dan pengalaman yang Awang2 telah perolehi di-Pusat Latehan ini, akan dapat membantu Awang2 pada menchapai kejayaan dalam perusahaan2 yang Awang2 akan kendalikan kelak. Saya ingin mengingatkan kapada Awang2 sekalian bahawa ada-lah harapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya Awang2 akan dapat menunjokkan jalan ka-arah kemajuan bidang pertanian yang sama2 kita hajati. Saya penoh perchaya bahawa dengan ada-nya bimbingan dan bantuan daripada Jabatan Pertanian, Awang2 akan dapat menchapai kejayaan dalam usaha2 yang Awang2 akan jalankan nanti.

Sambil kita harus berbangga akan kejayaan yang telah di-chapai oleh penuntut2 di-Pusat ini, saya ingin meninjau kebelakang dan merenong semula akan kejayaan dan kemunduran2 yang telah di-dapati dalam bidang pertanian setakat ini. Saya berharap apa yang akan saya uchapkan ini akan menjadi panduan dan ingatan kapada Pegawai2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkenaan supaya harapan Kerajaan dan seluroh raayat serta pendudok negeri ini untok melihat serta menekmati kemajuan2 dalam bidang pertanian tidak akan tinggal hanya sa-bagai harapan sahaja.

Dalam tahun 1974, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menitahkan kapada Kerajaan Baginda supaya menyediakan satu Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun Yang Baharu, yang antara lain-nya, bertujuan untok memperaneka-jeniskan ekonomi Negeri Brunei dengan memberikan keutamaan kapada bidang pertanian. Ranchangan Kemajuan itu telah di-luluskan dan telah di-lancharkan pada awal tahun 1975 dengan penoh harapan bahawa Negeri Brunei akan dapat menchapai kemajuan2 yang sempurna lagi terator. Dalam Ranchangan itu, perkembangan di-bidang pertanian ada-lah di-berikan keutamaan untok perlaksanaan, dan peruntokan yang di-fikirkan menchukopi telah di-sediakan dengan penoh harapan supaya Brunei akan dapat mengeluarkan bahan2 makanan, terutama sekali beras dan sa-bahagian besar daripada keperluan2 makanan harian. Saya ingin bertanya, sa-jauh mana-kah sudah matalamat ini di-chapai ? Dan jika belum di-chapai, ada-kah kita mengetahui akan sebab2-nya. Apa-kah langkah2 yang kita harus ambil pada mengatasi masaalah yang telah dan sedang di-hadapi?

Sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, satu daripada matalamat utama Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang sedang berjalan pada masa ini, ia-lah untok menambahkan hasil pengeluaran padi tempatan supaya negeri ini tidak akan semata2 bergantong dan berharap kapada pembelian beras daripada luar negeri. Dalam Ranchangan Kemajuan itu ada-lah di-ramalkan bahawa dalam tempoh Ranchangan ini, pengeluaran padi tempatan akan dapat di-tambah sekurang2-nya memenohi sa-paroh dari keperluan negeri kita. Saya ingin bertanya, ada-kah matalamat ini sudah di-chapai ? Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak mengeluarkan perbelanjaan bagi penyelidekan dalam bidang ini. Kerajaan telah mempersetujui ranchangan2 bantuan baja dan ranchangan2 bantuan yang lain kapada kaum2 tani supaya hasrat dan harapan Kerajaan itu akan dapat di-chapai. Dalam tempoh dua tahun ini, ia-itu tahun 1977 dan tahun 1978, Kerajaan telah menyediakan peruntokan lebeh daripada ½ juta ringgit bagi Ranchangan Bantuan Baja dan Penchegahan Musoh untok tanaman padi, dan penyelidekan2 terhadap padi telah di-berikan peruntokan lebeh daripada 150 ribu ringgit sa-tahun. Peruntokan yang di-sediakan bagi Ranchangan Jabatan Pertanian bagi tempoh Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun ia-lah lebeh daripada 25 juta ringgit, dan bagi tahun 1978 sa-jumlah lebeh daripada lapan juta ringgit telah di-sediakan.

Saya telah di-fahamkan bahawa penyelidekan2 oleh pakar2 yang di-datangkan dari luar negeri sentiasa berjalan. Sekarang saya perchaya bukan sahaja saya sa-orang yang ingin mengetahui, malahan juga raayat serta pendudok yang lain di-negeri ini tentu ingin bertanya, sa-jauh mana-kah hasil penyelidekan2 dan hasil perbelanjaan yang berjuta2 ringgit itu telah sebenar-nya memberikan sumbangan terhadap kemajuan pengeluaran padi? Bila-kah kita akan dapat menekmati hasil keluaran padi negeri ini sendiri? Ka-arah ini, saya ingin mengingatkan kapada Jabatan Pertanian supaya akan menyusun ranchangan perkembangan padi yang akan mengeluarkan hasil, yang akan dapat di-nekmati oleh sa-bilangan besar daripada raayat dan pendudok negeri ini, termasok raayat dan pendudok yang tidak terdaya sendiri-nya mengusahakan tanaman padi. Saya penoh perchaya bahawa jika perbelanjaan berjuta2 ringgit yang di-peruntokan itu di-gunakan pada melaksanakan satu ranchangan yang terator, yakni ranchangan yang *realistic* yang boleh di-praktikan oleh pendudok2 negeri ini sendiri, maka neschaya ranchangan sa-demikian akan lebeh bermaana dan mendatangkan munafaat. Dengan perbelanjaan yang begitu banyak yang telah di-peruntokkan bagi perkembangan dalam bidang pertanian, raayat negeri ini ada-lah berhak untok mengetahui akan kejayaan2 yang telah di-chapai.



Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa (kanan) menanam pokok sa-bagai kenang2-an sempena pembukaan Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Sering kali kita membacha dalam akhbar atau mendengar dalam berita di-radio, dan melihat dalam ranchangan talivishen mengenai dengan penyelidekan2 yang di-jalankan oleh Pakar2 Pertanian, umpama-nya penyelidekan terhadap penanaman sayor2an sa-chara *"hydroponics"*, penyelidekan terhadap pengeluaran buah2an yang asing kapada rantau ini dan sa-bagai-nya lagi. Saya ingin bertanya, apakah guna-nya mengadakan penyelidekan bertanam tumboh2an dalam glass house yang mengkehendakan jentera hawa dingin, sedangkan sa-bilangan besar raayat negeri ini tidak mampu untok memasang jentera hawa dingin di-rumah kediaman mereka, apa-tah lagi membena glass house dengan memasang jentera hawa dingin bagi maksud menanam sayor2an? Penyelidekan2 yang di-jalankan oleh Pakar2 di-Jabatan Pertanian boleh jadi ada guna-nya kapada Pakar2 yang berkenaan, tetapi saya ingin mengingatkan kapada mereka bahawa segala penyelidekan2 itu biar-lah di-adakan terhadap perkara2 yang boleh di-jalankan dan boleh di-praktikan oleh kaum tani di-Negeri Brunei, yang bersesuaian dengan keadaan chuacha dan iklim dalam negeri. Dengan kata lagi, biar-lah segala tenaga2 mereka itu di-tumpukan kapada penyelidekan2 ka-arah perkara2 yang ada kaitan-nya dengan Negeri Brunei yakni yang relevant kapada keperluan2 raayat dan pendudok negeri ini.

Satu lagi perkara yang menjadi buah mulut orang ramai di-Negeri Brunei ini ia-lah mengenai dengan keperluan2 daging, yakni saperti daging kerbau dan daging lembu, yang mana pada masa ini kebanyakan dari daging2 yang di-perlukan terpaksa di-datangkan dari luar negeri dengan menggunakan kapalterbang, yang mana saya perchaya tentu-lah memakan perbelanjaan yang besar. Kita tentu-lah bershukor kerana Negeri Brunei mampu mendatangkah kerbau dan lembu dari negeri luar dengan menggunakan kapalterbang, akan tetapi apa-kah akan terjadi nanti bila keadaan ekonomi kita tidak membolehkan kita berbuat sa-demikian ? Sa-hingga bila-kah kita akan bergantong dan berharap kapada negeri lain untok membekalkan kita dengan keperluan2 itu? Saya maseh ingat beberapa tahun dahulu Jabatan Pertanian telah menghebah2kan Ranchangan Ternakan yang bertujuan untok memperbaiki dan menambahkan lagi stock binatang2 ternakan, termasok lembu dan kerbau, yang mana beneh2 binatang2 yang baik telah di-perolehi dari luar negeri untok meninggikan mutu binatang2 ternakan dalam negeri. Sekarang saya ingin bertanya, apa-kah hasil ranchangan itu? Saya ingin menegaskan di-sini bahawa tegoran2 dan pertanyaan2 yang terkandong dalam uchapan saya ini, ada-lah di-maksudkan sa-bagai tegoran2 yang membena dengan niat yang tulus ikhlas supaya pehak2 yang berkenaan akan meneliti dan mengkaji segala ranchangan2 yang berjalan sekarang supaya dapat di-sesuaikan dengan keperluan2 Negeri Brunei dan raayat serta pendudok-nya.

Sa-belum saya mengakhiri uchapan saya ini, sekali lagi saya ingin berseru kapada Awang2 yang telah berjaya menjalani latehan di-Pusat ini, supaya akan dapat menggunakan pengalaman2 yang telah mereka perolehi itu untok merintis jalan ka-arah kemajuan perusahaan2 pertanian di-negeri ini. Harapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga raayat serta pendudok negeri ini ia-lah supaya Awang2 akan dapat menunjokkan kapada kaum tani di-negeri ini bahawa dengan menggunakan teknik2 dan chara2 yang baharu yang telah di-sesuaikan dengan suasana dan keadaan negeri ini, Awang2 akan boleh menchapai kemajuan pada mengeluarkan hasil usaha pertanian yang agak lumayan jika di-bandingkan dengan chara2 yang lama.

Akhir-nya, sekali lagi saya dengan ikhlas menguchapkan setinggi2 terima kaseh kapada Pengarah Pertanian serta Ahli2 Jawatankuasa Pusat Latehan ini atas penghormatan yang mereka telah berikan kapada saya.




SEMUA orang di-dunia ini ingin di-kasehi, dan kita orang2 Islam menghendaki kaseh sayang itu datang-nya dari dua sumber: Pertama daripada Allah dan kedua baru-lah daripada sa-sama manusia. Kita berkehendakkan kaseh sayang Allah kerana tujuan2 hidup yang lebeh jauh, di-dunia mau pun di-akhirat. Sementara kita juga memerlukan kaseh sayang di-antara sa-sama kita, kerana kaseh sayang itu buah-nya lazat dan manis memberikan kesenangan dan kegembiraan.

Dalam sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. Rawahul-Khatib ada menyebutkan satu chara bagaimana mendapatkan kechintaan Allah dan manusia itu yang bermaksud: **"Apabila engkau mahu supaya di-kasehi oleh Allah, maka pandang-lah rasa tamak kapada dunia itu dengan perasaan benchi, dan apabila engkau mahu supaya di-kasehi oleh manusia, maka berikan-lah harta2 yang berlebehan dari keperluan engkau itu kapada mereka."**

## Kaseh sayang memberikan kesenangan dan kegembiraan

Ada pun prinsip hidup Islam yang indah telah menetapkan, bahawa kemakmoran dan kekayaan itu bukan-lah satu2-nya matalamat hidup asasi yang tunggal, ia hanya-lah alat demi memperlihatkan kehambaan kita kapada Allah, untok menegakkan Ugama Allah di-muka bumi. Tanpa menyedari hal ini, boleh mengakibatkan kechintaan kapada harta itu mengatasi kewajipan terhadap Allah, terhadap Ugama-nya yang maha suchi.

Ugama Islam menyarankan umat-nya supaya bekerja keras bukan-lah untok hanyut dalam kemewahan dan keserunokkan dunia, tetapi untok membangunkan amal2 yang saleh sa-bagai tarohan dan pelaboran hidup di-akhirat. Ini-lah sebenar2-nya rahsia pengorniaan nekmat kapada manusia supaya mereka menggunakan nekmat tersebut untok mendapatkan keredhaan Allah, kechintaan Allah.

Dan kemudian rahsia untok menchapai kechintaan manusia pula, ada-lah terletak pada kesanggupan manusia itu membahagi2kan harta-nya yang berlebehan kapada mereka yang berhajat, yang lemah dan dhaib. Sebab itu-lah, jaminan2 sosial oleh Islam, ia-lah dengan mewajibkan zakat, menggalakkan derma, wakaf dan sedekah. Sebab semua ini ada-lah terang dapat memberikan kesan2 yang indah dan amat baik kapada masharakat, merupakan kunchi muhibbah dan kemesraan di-antara sa-sama manusia.

## Memelok Ugama Islam

SA-ORANG pemuda Iban berasal dari Mekah, Sarawak, Geruna anak Gima, 25 tahun, telah memelok Khamis lalu di-Jabatan Ugama Islam pada hari Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.

Beliau kini di-kenali sabagai Abdul Rahman bin Abdullah. PengIslaman-nya telah di-sempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin.



Awang Abdul Rahman bin Abdullah



Salah sa-buah pasokan yang mengambil bahagian dalam peraduan hadrah anjoran BAHTRAMU pada minggu lalu. Peraduan tersebut telah di-menangi oleh Badan Hadrah Sirdana dari Kampong Saba.

## SABAR, TABAH DAN TEGOH PENDIRIAN PUNCHA KEJAYAAN NABI MOHAMMAD

**Bingkisan minggu ini**

KALAU kita kaji sejarah perjuangan Nabi Mohammad s.a.w. ketika menyebarkan shi'ar Islam yang bermula di-tanah suchi Mekah itu, sahingga-lah berkembang ka-seluroh pelusok dunia — yang paling banyak di-tempoh oleh Baginda ia-lah kesukaran dan kesangsaraan— yang merupakan rintangan2 dan tentangan2 dari golongan2 yang tidak mahu Ugama Allah itu bertapak di-hati umat manusia yang kadang kala hampir mengancham keselamatan peribadi Rasulullah sendiri.

Namun demikian Baginda tetap gembira menempoh hidup yang penoh ujian ini demi untok menyempurnakan tugas suchi dan mulia itu dengan rasa keinsafan yang mendalam; kesabaran; ketabahan hati; tegoh pendirian dan penoh rasa tanggong-jawab yang di-sertakan dengan kejujoran untok melaksanakan kewajipan dari Allah s.w.t. itu.

Akhir-nya Baginda telah dapat membuktikan kejayaan besar di-dunia — di-mana ugama Islam dapat berkembang dengan pesat-nya saperti yang kita nekmati dan saksikan dewasa ini.

Dari lintasan sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. itu tadi dapat-lah kita membuat kesimpulan: Walau pun Baginda menempoh kehidupan-nya dengan berbagai2 masaalah yang sukar dan pahit, namun berputus asa tidak sekali—yang mana akhir-nya kesukaran dan kepahitan itu berubah dan bertukar rupa menjadi kejayaan yang gilang-gemilang.

Demikian juga hal-nya dengan kejadian alam dunia ini — ia sentiasa berubah2 dan tidak kekadar yang telah di-kal lama — mengikut tentukan sesuai dengan kejadian-nya yang bersifat baharu.

Maka dalam kita menerima perubahan2 ini-lah kita mesti berhati2, agar arus perubahan itu tidak akan membawa kita ka-lembah kemungkaran dan kehinaan. Kerana perubahan sekarang terlalu banyak ragam dan bentok-nya, sama ada yang membabitkan soal2 kehidupan; sosial; ekonomi; kebudayaan dan sa-bagai-nya, maka sudah barang tentu ia akan menimbulkan berbagai dilema atau masaalah, dan di-antara masaalah itu pasti akan kita temui dan tempohi.

Maka, untok menghadapi dan mengatasi masaalah2 itu — tiada jalan sebaik2-nya, salain dari keimanan yang konkrit; yang boleh menanamkan keyakinan dan keperchayaan kapada diri sendiri; meski pun menempoh berbagai kesusahan dan kesengsaraan, mesti-lah bersabar di-samping berusaha mengatasi-nya dengan bertawakkal kapada Allah s.w.t. Kalau pun menerima kesenangan dan kegembiraan kita hendak-lah menshukori-nya dan jangan pula mudah lupa daratan. Kerana segala2-nya itu sama ada baik atau burok, gembira atau duka, senang atau susah dan sa-bagai-nya datang-nya dari Allah Ta'ala jua. Dan segala2-nya itu hanya-lah sa-bagai ujian kapada hamba2-Nya mengenai keimanan-nya, keta'atan-nya dan kesabaran-nya. Sa-bagaimana firman-Nya di-dalam Al-Kor'an Surah Al-An'am ayat 165 yang bermaksud kira2:

**"Dan Dia-lah (Allah) yang menjadikan kamu hai manusia, menjadi penguasa di-bumi (Khalifah), dan sa-bahagian daripada kamu di-tinggikan oleh Allah beberapa tingkatan dari yang lain (tinggi ilmu pengetahuan, pangkat, banyak harta dan lain2). Kerana Allah hendak menguji kamu tentang apa2 yang telah di-berikan-Nya ka-atas kamu. Sesunggoh-nya Allah itu tetap memberi hukuman. Dan sesunggoh-nya Dia (Allah) maha pengampun lagi maha penyayang."**

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Februari, 1978 hingga ka-hari Selasa 28hb Februari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Feb | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 23hb Feb | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 24hb Feb | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 24hb Feb | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 26hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 27hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 28hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# SEMINAR DAKWAH ISLAMIAH BELIA

## BELIA DAN UGAMA

oleh: HJ. YAHYA BIN HJ. IBRAHIM

**DALAM cheramah ini saya akan mengemukakan satu pandangan praktikal mengenai belia dan hubongan hidup mereka sa-hari2 dengan ugama. Saya tidak akan mempersoalkan teori2 yang jauh mengawang. Kerana falsafah hidup nampak-nya sekarang suka kapada perkara2 yang nampak dan berguna serta merta.**

Atas nama Sains dan Teknologi dan juga kemajuan manusia telah menilai semua perkara itu atas dasar kegunaan-nya. Ada-kah sa-suatu itu berguna ? Ada-kah ia memberi faedah yang baik untok manusia terutama kapada pemuasan naluri? Ada-kah sa-suatu chiptaan manusia itu boleh memberi kesan kapada beban manusia dan mengurangkan bebanan itu ? Ada-kah ia-nya mendatangkan kesenangan ? Jikalau sekira-nya jawapan-nya negatif atau keraguan atau sekira-nya jawapan-nya positif atau kepastian tetapi belanja-nya banyak dan "tidak ekonomik" maka sa-suatu itu akan di-tinggalkan saja atau di-buangkan.

Jikalau kita mengamati perkara2 di-atas akan dapat kita pastikan bahawa ukoran kegunaan sa-suatu itu lebeh banyak bersifat 'benda' yang nisbi (relative) antara sa-suatu keadaan atau pehak dengan sa-suatu pehak atau keadaan yang lain, dalam tempat2 yang berlainan.

Chara pemikiran sa-umpama ini-lah di-namakan oleh ahli2 falsafah sa-bagai 'PRAGMATISM' erti-nya, falsafah ini beranggapan sa-suatu itu baik dan benar kalau ia berguna. Aliran pemikiran ini telah meresapi para belia kita di-Brunei dalam masa 10 tahun yang kebelakangan ini.

Kita faham, Ugama Islam ada-lah salah satu tunjang hidup di-Brunei. Ini satu hakikat yang tidak di-mungkiri oleh sa-siapa pun. Dalam pada itu oleh kerana pengaroh pragmatism telah mula meresap di-dalam pemikiran para belia kita, maka dua persoalan sekarang telah timbul:

i. Ada-kah ugama itu berguna ?

ii. Apa-kah yang boleh di-beri oleh ugama.

Di-dalam Al-Kor'an, Suratul-Kahf ayat 45 ada menyebut :

وكان الانسان اكثرشىء جدلا

Erti-nya : **"Dan ada-lah manusia itu paling banyak memperdebatkan sa-suatu".**

Dalam cheramah ini saya akan binchangkan TIGA kegunaan asal ugama dan yang di-berikan oleh ugama kapada kita.

Masaalah erti Kegunaan atau Faedah itu sebenarnya terlalu besar. Pengukoran yang bersifat materialistik atau faedah yang sebentar itu tentu-lah tidak dapat di-terima. Antara 15 hingga 10 tahun ada orang akan berkata: "Kamu membeli buku ani kenapa? Inda jua memberi kanyang". Tetapi pada masa sekarang tentu-lah pertanyaan itu tidak boleh berlaku. Kita lihat orang mendaki bukit2, gunong2 yang tinggi. Apa-kah kegunaan material yang mereka dapat ? Ada-kah untok wang ? Makanan? Banyak di-antara mereka yang mati terkubor di-bawah salji tanpa mendapat apa2 kegunaan yang bersifat materialistik. Sa-orang peminat seni lukis membeli lukisan dengan harga yang sangat mahal. Apa-kah guna-nya? Tidak ada jawapan yang sama antara satu sama lain. Tetapi satu hal yang nyata ia-lah sa-tiap sa-suatu itu ada tujuan. Dan sa-benar-nya tujuan ini-lah yang menentukan faedah dan kegunaan sa-suatu itu — Apa-kah tujuan ugama?

### MANUSIA DENGAN DIRI

Di-dalam Al-Kor'an manusia itu di-sebut dengan beberapa sifat, Allah Ta'ala menchipta manusia dengan mengadakan di-dalam diri-nya sifat yang banyak, ada yang baik dan ada yang jahat. Sifat yang baik dan jahat itu selalu berperang di-dalam jiwa. Bentok perang-nya lebeh hebat dan lebeh ganas daripada perang yang pernah di-saksikan oleh manusia sejak silam hingga sekarang. Firman Allah dalam Suratus-Shams :

ونفسما سواها. فالهمها فجورها
وتقواها قد افلح من زكاها. وقد
خاب من دساها.

Erti-nya : **"Dan demi jiwa serta yang menyempurnakan-nya lalu di-tunjokkan kapada-nya jalan kejahatan dan jalan ketakwaan. Maka berjaya-lah sa-siapa yang membersehkan-nya dan kechewa-lah barang siapa yang menipu-nya".**

Jikalau sekira-nya manusia itu kalah dalam perang maka tinggal-lah bentok-nya saja manusia tetapi roh-nya jatoh di-bawah taraf yang paling hina, kadang2 lebeh rendah daripada haiwan. Kita lihat hal ini dalam masa bulan puasa mithal-nya. Dalam bulan ini jiwa berperang dengan nafsu. Oleh kerana desakan lapar yang menjadi askar nafsu selalu menyerang tuboh dan darah manusia, orang2 yang lemah iman akan kalah — kadang2 kekalahan ini membawa nama-nya burok pada pandangan masharakat jikalau mithal-nya dia di-tangkap di-hadapan khalayak ramai waktu dia kalah perang itu. Jadi kerugian-nya banyak: pertama kalah perang dengan hawa nafsu, kedua menyalahi perintah Allah dan ketiga mendapat malu, ke-empat dia kerugian wang, (barangkali dia di-denda).

Kalau sekira-nya dia ta'atkan ugama-nya; erti-nya dia tau ugama-nya itu berguna dia tidak akan kerugian apa2 malahan mendapat keuntongan peribadi dan ma'anawiyah.

Keuntongan peribadi dan ma'anawiyah ini-lah yang tidak ada pada pengertian falsafah pragmatism. Kerana keuntongan dan faedah yang ada pada pemikiran sa-orang pragmatism ia-lah faedah yang nyata yang dapat di-rasakan dengan serta merta.

Kekurangan pertimbangan atau keraguan terhadap guna atau faedah ugama yang di-pengarohi oleh fahaman pragmatism ini-lah juga yang mengesani hidup belia dalam bidang2 lain. Umpama-nya pelajaran, oleh kerana kegunaan pelajaran itu telah kabur oleh sebab ada-nya kemewahan yang di-chari oleh naluri pragmatism untok hidup senang, maka banyak belia2 pelajar kita kurang chita2 dan daya usaha untok bersusah payah belajar untok menchapai kejayaan.

Ugama mengajar penganut2-nya supaya menghidupkan di-dalam diri-nya itu satu nilai kemanusiaan. Apa-kah beza diri manusia itu daripada yang bukan manusia selain dari kemanusiaan? Kemanusiaan itu erti-nya akal fikiran, chita2, akhlak dan harga diri. Semua aspek ini tidak pernah di-berikan oleh Sains dan Teknologi. Jikalau sekira-nya manusia itu tidak ada mempunyai kemanusiaan-nya maka dengan sendiri-nya ia — terkeluar daripada nama manusia itu.

Sa-orang yang berfikiran waras dan sempurna tentu-lah tidak mau meninggalkan batas2 kemanusiaan menchari kehidupan di-luar kemanusiaan itu. Kechuali-lah kalau ia tidak mau menjadi manusia lagi. Tetapi apa-kah elok-nya ? Ini akan bertentangan dengan kejadian tabi'e manusia itu yang di-jadikan oleh Allah dalam bentok yang baik, sempurna dan lengkap saperti firman Allah : dalam Suratut-Tin :

لـقد خلقنا الانسان فى احسن
تقويم ثم رددناه اسفل سفلين الا
الذين امنوا وعملوا الصلحات
فلهم اجر غيرممنون. فمايكذبك
بعد بالدين. اليس الله بأحكم
الحكمين.

Erti-nya : **"Sesunggoh-nya telah Kami chiptakan manusia itu dalam bentok yang paling baik kemudian Kami jatohkan dia kelapisan yang paling bawah. Melainkan mereka yang beriman dan berbuat kerja2 yang saleh, maka bagi mereka itu ganjaran yang tidak putus2, maka sesudah itu, apa-kah yang dapat mendustakan — mu — tentang ugama (Islam).**

Faedah yang di-datangkan oleh ugama kapada diri dan kemanusiaan manusia itu dapat di-timbang dengan akal logika. Penggunaan akal ini-lah sa-besar2 nekmat Allah yang di-korniakan kapada — manusia. Orang2 yang tidak menggunakan akal tidak di-anggap sempurna, saperti maksud sa-buah hadith : *"Tiada (sempurna) iman sa-orang yang tiada menggunakan akal"* Dan di-dalam Al-Kor'an penggunaan akal ini di-tekankan berkali2 dalam berbagai2 ayat :

(العلكم تتفكرون) (لعلكم تعقلون)
(لعلكم تهتدون) (افلا تبصرون)
(لعلكم تتذكرون) (ان ذلك لعبرة
لاءولى الابصار) (افلا تعقلون)

— BERSAMBONG —

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 25hb. Feb. hingga 7hb. Mach, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 25.2.1978 | Sabtu | 2.00- 3.00 petang |
| Sekolah Melayu OKSB, Kilanas | 25.2.1978 | Sabtu | 3.15- 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 25.2.1978 | Sabtu | 4.30- 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 27.2.1978 | Isnin | 3.00- 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 27.2.1978 | Isnin | 4.30- 5.30 „ |
| Berakas English School (Bhg. Menengah) | 28.2.1978 | Selasa | 9.15-10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 28.2.1978 | Selasa | 10.30-11.30 „ |
| Limau Manis | 1.3.1978 | Rabu | 8.30- 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 1.3.1978 | Rabu | 9.45-10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 1.3.1978 | Rabu | 11.00-12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 4.3.1978 | Sabtu | 1.30- 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 4.3.1978 | Sabtu | 2.45- 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 4.3.1978 | Sabtu | 4.00- 5.00 „ |
| Berakas English School (Bahagian Rendah) | 6.3.1978 | Isnin | 2.00- 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 6.3.1978 | Isnin | 3.30- 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 7.3.1978 | Selasa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 7.3.1978 | Selasa | 10.30-11.30 „ |



Ketibaan Sheikh Abdul Aziz dan rombongan di-Lapangan Terbang telah di-sambut antara lain dalam gambar ini oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, Yang Dipertua MBB dan Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.



Sheikh Abdul Aziz dudok sa-lepas menjadi imam semba
Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato
Paduka Seri Setia Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yan
Aziz, dan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara

# LAWATAN S
# HA



Sheikh Abdul Aziz sedang menyampaikan cheramah khas sa-lepas sembahyang fardhu Magrib. Kelihatan di-sini juga ia-lah Haji Yahya bin Haji Ibrahim sa-bagai jurubahasa.

SATU rombongan yang di-ketuai oleh Sheikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Hassan, Al-Sheikh Imam dan Khatib Masjidil Haram, Mekah dan sa-orang Menteri Saudi Arabia dari Pertubohan Belia Islam Sa-dunia (WAMY) yang beribu pejabat di-Riyadh, Saudi Arabia telah tiba di-Brunei pada hari Khamis 16hb Februari lalu, sa-bagai Tetamu Kehormat kapada Majlis Belia2 Negeri Brunei. Ketibaan rombongan itu telah di-sambut antara lain oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, Yang Dipertua MBB dan Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama; Y. B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin.

Ikut serta dalam rombongan saramai empat orang itu ia-lah Al-Jandoul, Timbalan Menteri Tatatertib; Dr. Ahmad Totongi, Penolong Setiausaha Agong WAMY dan saudara Anwar Ibrahim Setiausaha Agong WAMY bagi kawasan Asia.

Dalam satu temuramah, Sheikh Abdul Aziz menerangkan bahawa tujuan lawatan ka-Brunei itu pada awal-nya tidak di-ranchangkan tetapi atas keinginan hati mendengar Brunei ia-lah sa-buah negeri Islam, Raja-nya Islam dan raayat-nya kebanyakkan-nya Islam, serta kerjasama dari Majlis Belia2 Negeri Brunei maka lawatan itu pun dibuat. Mudah2an lawatan ini akan di-berkati oleh Allah .

Rombongan Sheikh Abdul Aziz telah di-jamu makan tengah hari di-rumah Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, di-mana penyampaian chenderamata kenangan telah dilakukan oleh Awang Haji Jaya.

Pada sa-belah petang, rombongan itu telah berangkat melawat Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-mana Sheikh Abdul Aziz dan rombongan telah di-berikan taklimat oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim mengenai perkembangan Ugama Islam di-Brunei dan peranan yang di-jalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam soal dakwah. Sheikh Abdul Aziz, serta rombongan ahli2 jawatankuasa tertinggi MBB dan pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama telah bersembahyang fardhu Asar di-surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Sheikh Abdul Aziz dan rombongan telah sempat juga melawat Kampong Ayer dengan menaiki outboard.

Sheikh Abdul Aziz dan rombongan telah berangkat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin untok sembahyang berjemaah Fardhu Magrib di-mana beliau telah menjadi Imam. Lebeh dari 2,000 orang kaum Muslimin termasok beberapa orang Pembesar2 Negara dan pegawai kanan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah ikut menjadi maamum. Sa-lepas sembahyang berjemaah fardhu Magrib, Sheikh Abdul Aziz telah menyampaikan uchapan khas dalam bahasa Arab yang di-terjemahkan oleh Awang Haji Yahya.

Dalam uchapan itu beliau membuat beberapa saranan tentang perkembangan Ugama Islam. Antara lain uchapan beliau itu ia-lah kenyataan bahawa kedatangan beliau akan dapat memberi galakan kapada saudara2 Islam
supaya lebeh tegoh keimanan.
berapa perkara asas yang di-hu
beliau atas kedatangan rombon

1. Ia-lah peluang dapat be
sama Islam untok bertuk
dan berkerjasama ba
Islam.
2. Islam ia-lah Ugama
dan kita umat Islam p
ambil sumber yang suc
bagaimana yang di-tur
pada Nabi Mohammad
3. Untok Ugama Islam be
Ulama2 dan Pemimp
hendak-lah menyiarkan
lam itu sa-bagaimana ya
turunkan.
4. Ugama Islam banyak di
dengan perkara2 yang
ma yang di-katakan U
musoh dan anasir2 ja
Islam.

Dari itu Ulama2 dan pemim
ada-lah bertanggong jawab u
hapuskan apa yang tidak di-ge
itu. Di-samping itu Sheikh
telah juga membuat seruan ka
perkara asas dalam Islam.

1. Mendalami pengetahua
Islam
2. Membimbing orang2 Is
3. Menanamkan aqidah
purna
4. Menyatukan barisan or
5. Kerjasama dalam kebaj

Dan akhir-nya beliau menyat
saan sukachita dapat bertem
orang2 Islam di-Brunei.

Sa-lepas sembahyang
kaum muslimin telah berziar
Sheikh Abdul Aziz dan beliau
bongan pun terus berangkat
Darul Hana untok mengadap
Duli Yang Maha Mulia Pa
Baginda Sultan dan Yang Dip
geri Brunei, Duli Yang Tera
Paduka Seri Begawan Sultan
Teramat Mulia Paduka Seri
ran Perdana Wazir. Sa-lepa
mengadap, Sheikh Abdul Aziz
bongan berangkat ka-rumah S
mana beliau dan rombongan
rai'kan dalam satu jamuan m
Y.B. Pehin Orang Kaya Lai
Dato Seri Setia Awang Haji A
Chenderamata kenangan telah
sampaikan kapada Sheikh A
dan rombongan.

Pada sa-belah pagi Har
17hb Februari, 1978, Sheikh
telah mengadakan satu perb



Perjumpaan dan perbinchangan antara Dr. Ahmad Totongi dengan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei di-sebuah hotel tempatan di-Bandar Seri Begawan.



Magrib. Antara yang turut berjemaah ia-lah (dari kiri) Yang Awang Haji Mohd. Zain, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul ji Abu Bakar bin Pg Omar.



Bergambar ramai di-Lapangan Terbang Antara Bangsa sa-belum Sheikh Abdul Aziz dan rombongan bertolak ka-Singapura.

# GKAT IMAM MASJIDIL M KA-BRUNEI

sengkat dengan ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei mengenai dengan perhubongan antara WAMY dan MBB. Dr. Ahmad Totongi, Penolong Setia Usaha Agong WAMY telah membuat beberapa ulasan dan hasil dari perbinchangan itu beberapa chadangan dan persetujuan telah dichapai.

1. MBB akan di-terima menjadi ahli WAMY sa-bagai ahli yang tidak di-ketatkan kerana kemasokan itu bukan-lah atas desakan dari mana2 pehak. Tetapi kemahuan MBB sendiri yang ingin berkerjasama demi kepentingan Ugama Islam.
2. Bersedia untok mempertimbangkan bagi dermasiswa kapada MBB bagi penuntut pilehan MBB untok pelajaran tinggi di-Saudi Arabia khas-nya dan negara Islam amnya.
3. WAMY bersedia untok menghantar pakar untok memberikan sharahan2, cheramah2 dalam seminar2, persidangan khusus mengenai dakwah Islamiah.
4. Akan bersedia untok menerima dan melayani rombongan MBB untok berkunjong ka-Saudi Arabia termasok mengerjakan umrah.
5. Bersedia memberi bantuan kapada MBB sa-chara material untok memperkembangkan Ugama Islam sa-laras dengan kehendak2 yang ada di-Negeri Brunei.

Atas perkara ini, Yang Dipertua MBB telah melahirkan penghargaan yang tinggi kapada Sheikh Abdul Aziz atas kejujoran-nya untok memberikan bantuan yang di-terangkan. Awang Haji Jaya menegaskan bahawa MBB akan membinchangkan dan merundingkan bantuan2 bagi perkembangan MBB dan Ugama Islam sa-laras dengan Perlembagaan MBB dan kehendak2 dan peraturan2 yang di-jalankan di-Negeri Brunei.

Sheikh Abdul Aziz dan rombongan telah bertolak kira2 pukol 10.30 pagi ka-Singapura memakai RBA. Berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar kapada beliau dan rombongan ia-lah Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Mufti Kerajaan Brunei, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dan ahli2 jawatankuasa tertinggi MBB. Sheikh Abdul Aziz sa-belum bertolak telah sempat menulis satu perutusan khas kapada MBB.

## *Perutusan Sheikh Abdul Aziz kapada MBB*

*BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM*

*Selawat dan salam kapada Rasul Mohammad bin Abdullah kemudian daripada itu sesunggoh-nya saya merasa gembira dan sukachita dapat bertemu dalam Ugama dan aqidah ia-itu pertubohan belia2 Islam di-Brunei. Saya dapat merasakan dalam diri mereka keazaman, kekuatan dan keberanian dalam perkara2 yang benar, dan bersunggoh2 supaya keperchayaan aqidah orang2 Islam di-Brunei ia-lah aqidah yang betul, aqidah sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam. Saya berharap mudah2an negeri ini, dengan belia2 Islam, bersifat bersemangat tinggi, mempunyai masa depan yang chemerlang, kapada ugama Islam dan aqidah Tauhid. Mudah2an Allah memberi berkat kapada belia2 dan sentiasa di-beri taufik dan juga sentiasa berkerjasama dengan seluroh pertubohan Islam supaya mereka menjadi kuat dan menjadi pemimpin2 dalam kebajikan.*

*Assalamu'alaikum Warahmatullah*

*Saudara mu,*
*Abdul Aziz bin Abdullah bin Hassan Al Al-Sheikh*
*Imam dan Khatib Masjidil Haram.*

Kaum Muslimin yang chuba berziarah dengan Syed Abdul Aziz, sa-lepas menunaikan fardhu Magrib dan cheramah khas oleh beliau.





Majlis jamuan makam malam di-rumah Semaun yang di-berikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 22HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.28 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — "Crocodiles"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 RICH MAN, POOR MAN — Bahagian ke-enam
Tom Jordache meninggalkan kerjaya-nya untok menchari isteri-nya.
8.00 DOCTOR AT LARGE
"Upton Sells Out"
Apabila Michael bekerja pada sa-orang doktor di-Harley Street, ia dapati mereka lebeh meminati untok mengetahui latar belakang sosial-nya dari kelayakan2 perubatan-nya.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.15 SHOW OF THE WEEK: "Nana Mouskouri"
10.05 PERLAWANAN GUSTI
Antara:
Jeff Kay v Fresh Kevin Connolley
Harvey Smith v Black Jack Mulligan
Ray Steel v Kojak Kid
10.55 SIARAN TAMAT

### KHAMIS — 23HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE BATFINK SHOW
6.28 THE MUPPET SHOW
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 THE MUPPET SHOW — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE HIGH CHAPARRAL — "Sudden Country"
8.00 PLAIN SAILING
"Other People's Boats"
Satu siri baharu dengan David Blagden bagaimana untok memulakan sokan pelayaran dengan bayaran yang sangat murah dan berbagai aspek sokan itu.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU, "Laila Satria"
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 24HB. FEBRUARI,

PETANG
5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMEL DAN CHOMAT — "Beginning School"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Playing Chess Presents Problems"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BATEFL: "Songs and Rhymes"
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SKIPPY THE BUSH KANGAROO sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 INTERNATIONAL POP PROMS
Ranchangan musikal dengan bintang2 antara bangsa yang terkenal.
8.00 THE DICK EMERY SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 MICROBES AND MEN — "The Invisible Enemy"
Siri baru ini menunjokkan asas2 ilmu perubatan hari ini dan kejayaan mengenali penyakit2 berjangkit.
10.00 MYSTERY MOVIE: Quincy "The Thigh Bone's Connected To The Knee Bone".
11.30 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 25HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS — "Medium Rare"
Di-bintangi oleh Patrick MacNee sabagai John Steed Joanna Lumley sabagai Purdey — mereka menyiasat kematian yang mengejut sa-orang sahabat lama.
8.00 MUSIK DARI STUDIO B
Di-bintangi oleh "Teach In" dan Roger Whittaker.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BISTARI
9.15 BINTANG BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU: "Casanova's Big Night"
Filem komidi yang di-bintangi oleh Bob Hope yang termashor dalam sejarah.
11.35 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 26HB. FEBRUARI,

PETANG
5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMEL DAN CHOMAT — "Mother"
5.30 THE MAGIC BALL "The Story of the Six Winged Lion"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW, SCOOBY DOO — "Fiesta Host is an Aztec Ghost"
6.30 DON'T ASK ME
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 SIX MILLION DOLLARS MAN "Just a Matter of Time"
8.00 WILDLIFE IN CRISIS "Wildlife in Flight"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUTIKA
9.15 DRAMA: "Eleanor and Franklin" — Bahagian kedua
Siri terakhir dalam drama ini mengenai riwayat hidup President Roosevelt dan isteri-nya, Eleanor.
11.15 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 27HB. FEBRUARI,

TAMBAHAN RANCHANGAN KERANA
PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES "Trails to the Unknown"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 BIG BLUE MARBLE — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHIPS—Di-mulai dengan satu penggambaran yang mengesahkan pekerjaan dua orang ahli ronda jalanraya.
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HAWAII FIVE O — "Why Wait Until Uncle Kevin Dies?" — Steve McGarrett menyiasat lima kejadian pembunohan kaatas dua orang hartawan.
9.35 POLDARK —
Episode kelima belas Kapten MacNeill dan askar2-nya berada di-Nampara untok menchari Ross.
10.25 HAWAII FIVE O —

### SELASA — 28HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS MYSTERIES
8.00 THE ANDY WILLIAM SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK
9.55 TANDARRA "The Return of King
10.45 SIARAN TAMAT.



DUA orang penal undangan, Awang Abdul Kadir Che'ku (kiri) dan Dayang Fatimah binte Pehin Khatib Haji Abdul Hamid yang mengambil bahagian dalam Majlis Perbinchangan mengenai tajok Bengkel Penulis yang akan di-siarkan pada malam ini. Saperti biasa majlis tersebut di-pengerusikan oleh Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Talking About Music; 8.30 Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — The Morecambe and Wise Show; 10.15 — A Date with . . .; 10.30 —Close Down.

**SATURDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30—Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — The Morecambe and Wise Show (repeat); 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Home To Roost; 8.30—Be My Guest—introduced by Charan Chand; 9.00—Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Concert Hour presented by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announctment — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Get Away — travels from Brunei; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15—News; 9.30 — Sixty Minute Theatre: "Enter A Free Man" by Tom Stoppard; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat); PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00—Close Down, 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "The John Miles Band" Side 1; 8.30— Forum — produce by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Melody Time; 10.30—Close Down.

# PERLAWANAN BOLASEPAK PERSAHABATAN DENGAN PASOKAN DARI LABUAN

GAMBAR2 ini di-ambil ketika perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan di-antara Pasokan Bolasepak Labuan dengan SEKATA yang telah dilangsongkan di-Padang Gadong sini baru2 ini. Dalam perlawanan tersebut pasokan bolasepak Labuan telah tewas di-tangan SEKATA dengan 4 gol berbalas satu.

Pengenalan gambar (A) menunjokkan Pasokan Bolasepak Labuan dan SEKATA bertukar2 chenderamata kenang2an sa-belum perlawanan dimulakan, (B) kelihatan Pasokan Labuan menyerang kubu SEKATA tetapi bola dapat di-selamatkan oleh pasokan SEKATA, (C) Gol tunggal bagi Pasokan Labuan dan (D) Gol pertama bagi SEKATA dalam masa pertama perlawanan di-mulakan.

Ali Timbang dari pasokan SEKATA telah menyumbat 2 gol dalam masa pertama manakala dalam sa-paroh masa kedua Junaidi dan Ismawi telah menyumbat 2 gol. Keputusan perlawanan ia-lah 4-1.

Sa-belum perlawanan dengan SEKATA, Pasokan Bolasepak Labuan telah mengadakan perlawanan sa-chara persahabatan dengan Pasokan INDERA di-Padang Besar dengan keputusan Pasokan INDERA telah tewas di-tangan Pasokan Labuan 3-1. INDERA ia-lah pasokan yang menjadi juara dalam perlawanan Piala Liga Bolasepak Brunei Pertama tahun ini setelah mengalahkan Pasokan Muara United dengan 2-1.

Sementara itu Persatuan PERKASA dan Badan Hadrah DEWANA di-jangka mengadakan perlawanan bolasepak bagi pendudok2 Kampong Ayer, pada akhir bulan Mach depan, sempena lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.


A


B


C

# KALENDAR SOKAN DAN OLAHRAGA BAHAGIAN JASMANI BULAN MACH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikut ini ia-lah Kalendar Sokan dan Olahraga, Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani bagi bulan Mach, 1978: —

1. Perlawanan Rentas Desa Sekolah2 Rendah dan Menengah Bawah Daerah Temburong pada hari Rabu 1hb Mach, 1978 jam 1.30 petang bertempat di-Sekolah Melayu Puni.
2. Perlawanan Rentas Desa Sekolah2 Menengah Bawah Daerah Brunei dan Muara pada hari Khamis 2hb Mach,, 1978 jam 1.30 petang bertempat di-Padang SMJA, Bandar Seri Begawan.
3. Perlawanan Rentas Desa Sekolah2 Menengah Bawah Daerah Belait pada hari Sabtu 4hb Mach, 1971 jam 1.30 petang bertempat di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir.
4. Perlawanan Bolasepak perengkat daerah sekolah2 rendah mulai hari Sabtu 4hb Mach, 1978.
5. Penutop Pendaftaran Perlawanan Bolasepak Kumpolan 'D' Sekolah2 Menengah Atas pada Sabtu 4hb Mach, 1978.
6. Penutop Pendaftaran Perlawanan Sepaktakraw Sekolah2 Menengah Bawah dan Menengah Atas pada hari Isnin 6hb Mach, 1978 jam 4.00 petang.
7. Perlawanan Bolasepak Kumpolan 'C' perengkat daerah bagi Sekolah Menengah Bawah dan Atas pada hari Sabtu 11hb Mach, 1978.
8. Perlawanan Bolasepak Kumpolan 'A' dan 'B' perengkat daerah Sekolah2 Menengah Bawah pada hari Rabu 15hb Mach, 1978.
9. Perlawanan Bolasepak Kumpolan A dan B perengkat daerah bagi Sekolah2 Menengah Bawah pada hari Khamis 16hb Mach, 1978.
10. Perlawanan Bolasepak Sekolah2 Rendah Perengkat Negeri hari Sabtu 18hb Mach, 1978.
11. Latehan asas pemain2 Bolasepak Kumpolan 'C' daerah2.
12. Perlawanan Bolasepak Kumpolan 'C' Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas perengkat Negeri hari Khamis 23hb Mach, 1978.
13. Perlawanan Bolasepak Kumpolan A dan B perengkat Negeri Sekolah2 Menengah Mawah pada hari Isnin 27hb Mach, 1978.
14. Perlawanan Rentas Desa Sa-Negeri Sekolah2 Rendah, Menengah Bawah dan Menengah Atas pada hari Khamis 30hb Mach, 1978 (tempat belum di-tetapkan) jam 1.30 petang.

# MBB keluarkan Buku Risalah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengeluarkan 'Buku Risalah' tiap2 tiga bulan sa-kali. Keluaran pertama di-jangka akan di-laksanakan pada akhir bulan ini.

Buku Sibaran itu mengandongi segala kegiatan persatuan2 belia di-negeri ini dan ia-nya akan di-edarkan kapada persatuan yang menjadi keluarga MBB untok tatapan ahli2-nya.

Semua tulisan, renchana atau berita kegiatan2 persatuan belia hendak-lah di-hantar minggu ini kapada: A. Abu Bakar Haji Latif, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan; Awang Abdullah Haji Tahir, S. M. Danau, Tutong; Awang Metali Haji Tahir, Peti Surat 149, Kuala Belait dan Awang Yazid Ibrahim, S. M. Kinua, Temburong.


D

# *Jawatankuasa Kelab Ria Brunei 1978*

BANDAR SERI BEGAWAN: — Ahli2 Kelab Ria Brunei (BRC) telah mengadakan mashuarat tahunan-nya di-bangunan kelab tersebut minggu lalu. Mashuarat tersebut telah melantek Ahli Jawatankuasa bagi tahun 1978 saperti berkut: —

Yang Dipertua, Awang Charlie Foo; Naib Yang Dipertua, Awang Juned Mustapa; Setiausaha Agong, Awang Abas Haji Omar; Naib Setiausaha Agong, Awang Abdul Wahab Muhammad; Bendahari, Awg Lim Phang Hoon.

Setiausaha Sosial, Awang Zainuddin Dato Marsal; Setiausaha Sokan dan Olahraga, Awang Masri Bakar; Juru Odit, Awang Scully dan Awg Idris Haji Ibrahim.

Ahli Jawatankuasa: Awang Zulkifli P.D.P. Mentri Sheikh Haji Abdul Halim, Awang Ali Noordin Md Zain, Awang Abdul Rahman Haji Sanif, Awang Md Taib Haji Bagol, Awang Sulaiman Haji Abdul Wahab dan Awang Suhaili Omar.

**KAN-HAL KITANI ...**

* Labuan sudah mengayau main bola kamari, 'Ngah!

† Mun miatu, apa fikirmu 'Wang?

* Ku-fikir baik jua kitani mengayau bisdia jua. Manang-kalah inda mengapa. Ani persahabatan ganya!

† Mun miatu, baik-tah.

* Bah, jangan lupa, Ngah.



Pengiran Ali Hassan beruchap sa-belum merasmikan mashuarat Agong KPKP.

# Rebut peluang pelajaran yang tersedia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Timbalan Pesurohjaya Buroh, Pengiran Ali Hassan bin Pg Dato Haji Abas telah berseru kapada semua Ahli2 Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan (KPKP) supaya akan dapat merebut peluang pelajaran yang tersedia demi untok masa depan dan juga kelichinan tugas2 yang mereka jalankan sa-tiap hari.

Ini telah di-terangkan oleh beliau sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Kesatuan itu bertempat di-Dewan Bandaran pada 12hb Februari yang baru lalu.

Di-samping itu beliau berharap agar perjalanan dan usaha2 untok meninggikan taraf ahli2 kesatuan itu akan dapat di-rasakan faedah-nya, bukan sahaja oleh ahli2 bahkan juga oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Menyentoh mengenai pindaan Undang2 Buroh dan pindaan Undang2 Pampasan Pekerja, 1977, yang telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri baru2 ini, beliau menegaskan yang pindaan itu ada-lah semata2 untok kebaikan serta kesejahteraan masharakat dan negeri Brunei sesuai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang senantiasa mengambil perhatian yang berat terhadap raayat Baginda.

Pemangku Pesurohjaya Buroh itu sa-terus-nya menaroh harapan agar KPKP akan dapat memileh sa-orang pemimpin yang benar2 mempunyai jiwa kepimpinan demi untok kepentingan kesatuan. Beliau juga menyeru agar ahli2 kesatuan menanamkan sifat bermufakat, tolak ansor dan saling faham memahami dan menjauhi sifat bosan atau patah di-pertengahan jalan dalam membuat sesuatu langkah demi untok kepentingan kesatuan khasnya dan kapada negeri ini am-nya.

Sa-lain dari memileh ahli2 jawatankuasa yang baru, mashuarat itu juga telah bersetuju dengan sa-bulat suara untok menukar nama kesatuan itu kapada Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan Brunei.

Berikut ini ia-lah ahli2 jawatankuasa baru yang telah di-pileh dalam mashuarat itu:

Yang Dipertua — Awang Abu Bakar bin Haji Ishak; Naib Yang Dipertua — Awang Mukim bin Hassan; Pengerusi Tetap — Awang Anuar bin Haji Tahir; Setia Usaha Agong — Awang Haji Ali Nassar dan Ali bin Metussin sa-bagai Naib-Setiausaha Agong; Bendahari Agong — Awang Wahab bin Haji Latif; Naib-Bendahari Agong — Awang Maarof bin Haji Yaakub.

Sa-lain dari itu lima orang juga telah di-pileh sa-bagai ahli Jawatankuasa Kerja.

# AHLI2 M.M.N. MELAWAT DAERAH TEMBURONG

PEKAN BANGAR. — Satu rombongan yang terdiri dari 12 orang Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri telah mengadakan lawatan ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu minggu lalu untok meninjau perkembangan2 yang di-laksanakan di-daerah tersebut.

Ketibaan rombongan yang di-ketuai oleh Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pg Omar itu di-Pekan Bangar telah di-alu2an oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad.

Tempat pertama yang di-lawati oleh rombongan itu ia-lah Pusat Pertanian Selangan. Ketibaan mereka ka-pusat itu telah di-sambut oleh Pegawai Pengawas Pertanian Daerah Temburong, Awang Abdul Rahman bin Haji Lahap yang juga telah menerangkan mengenai perkembangan di-pusat tersebut.

Dari Pusat Pertanian mereka di-bawa pula ka-Kampong Sumbiling di-mana mereka telah meninjau pusat penapisan ayer yang membekalkan ayer bagi Daerah itu. Dari sana mereka berangkat ka-Rumah Panjang Lepong Baru. Rombongan tersebut juga telah mengadakan lawatan ka-Karangan dan Kampong Samabat.

Di-sepanjang lawatan itu, Ahli2 Yang Berhormat telah di-iringi oleh Pemangku Pegawai Daerah dan Pemangku Penolong Pegawai Daerah, Awang Talib bin Baruddin.



Gambar atas menunjokkan rombongan Ahli2 Yang Berhormat ketika melawat steshen penapisan ayer di-Kampong Sumbiling.

# Kelas Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pelajar2 dewasa yang telah memasoki Kelas Dewasa Bahasa Inggeris pada tahun lalu di-Sekolah Melayu Sengkurong dan ingin menyambong pelajaran mereka, ada-lah di-kehendaki mendaftar semula ka-sekolah tersebut bila2 masa sekolah di-buka.

Pendaftaran boleh di-buat kapada Penyelia Pelajaran Dewasa sekolah tersebut tidak lewat dari 28hb Februari ini.

# Batu nisan bertarikh 1408 Masehi di-temui oleh Muzium Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu batu nisan yang bertarikh 811 Hijrah bersamaan dengan 1408 Masehi telah di-jumpai di-sa-buah perkuboran di-Jalan Residency oleh Muzium Brunei baru2 ini.

Batu nisan itu bertulis nama sa-orang perempuan (nama-nya tidak begitu jelas kerana batu nisan itu retak) anak kapada Sultan Abdul Majid dan kapada Sultan Mohammad Shah. Ini bermakna batu nisan itu di-punyai oleh chuchu Almarhom Sultan Mohammad Shah, Sultan Brunei yang pertama.



Menurut kronikal China dari tulisan Sung Lien, dalam tahun 1370 Masehi, ada sa-orang raja di-negeri Po-ni (nama Brunei tua) bernama Mo-ha-mo-sha. Dalam salasilah Sultan2 Brunei, Sultan yang pertama ia-lah Sultan Mohammad Shah. Jadi-nya kalau di-anggarkan tahun 1408 Masehi kapada chuchu Sultan Mohammad Shah, ada-lah tepat dan bersesuaian bahawa Sultan Mo-ha-mo-sha yang di-sebut dalam kronikal China itu ia-lah Sultan Mohammad Shah, Sultan Brunei yang pertama.

Kesan dari penemuan ini menimbulkan dua perkara yang penting dalam sejarah Negeri Brunei. Pertama bahawa sejarah kesultanan Brunei telah bermula dari sejak 1370 Masehi atau mungkin lebeh awal sedikit lagi.

Perkara kedua ia-lah kedatangan Ugama Islam ka-Brunei dan dengan penemuan ini menunjokkan bahawa Sultan Brunei yang pertama telah memelok Ugama Islam kira2 lebeh awal sedikit dari tahun 1370 ia-itu sama dengan ia di-istiharkan menjadi Sultan Islam yang pertama di-Brunei. Dengan tarikh ini akan menolak pendapat orientalist yang menganggap bahawa Islam datang ka-Brunei pada kira2 kurun ke-15 atau ke-16.

Sa-benar-nya batu nisan itu telah di-temui pada tahun lepas, tetapi hanya sekarang baharu-lah sa-bahagian daripada tulisan2 itu dapat di-bacha.

Muzium Brunei akan terus menjalankan usaha untok menyelidek tentang batu2 nisan supaya dapat memberikan gambaran yang lebeh terang lagi dalam sejarah Brunei.

# Kadar2 dan bayaran2 pos

BERIKUT ini ia-lah sa-bahagian lagi kadar dan bayaran2 pos yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang mula di-kuatkuasakan pada 1hb Januari, 1978.

| | |
|---|---|
| PETI SURAT PEJABAT POS SENDIRIAN | Peti surat kechil $20.00 sa-tahun<br>Peti surat besar $30.00 sa-tahun |
| PERKHIDMATAN BEG (BERKUNCHI) SENDIRIAN | Tidak ada bayaran tetapi beg2 itu hendak-lah menurut kehendak2 Pejabat Pos |
| MESIN FRANKING POS | Lisen di-beri perchuma kapada pengguna2 yang di-benarkan |

**KADAR POS MEL UDARA**

| Wilayah | Surat Tiap2 ½ oz. | Poskad | Mel Kelas Dua ½ oz | Tiap2 Surat Udara Rengan |
|---|---|---|---|---|
| Singapore Malaysia | Bayaran pos mel biasa di-kenakan | | | 15 sen |
| Lain2 tempat di-Asia | 50 sen | 25 sen | 25 sen | 35 sen |
| Europe, Africa, Australia, New Zealand dan Kepulauan Pacific | 75 sen | 40 sen | 40 sen | 35 sen |
| Amerika Utara, Tengah dan Selatan dan Kepulauan Caribbean | $1.00 | 50 sen | 50 sen | 35 sen |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-Jabatan Penerbangan Awam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah (a) mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik, (b) faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris, (c) berumor antara 18 hingga 25 tahun dan, (d) mempunyai darjah kesehatan yang memenohi sharat2 ICAO bagi Pegawai2 kawalan Terafik Udara. Sa-baik2-nya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal2 penerbangan. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Lanjutan).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Peluang Kenaikan Pangkat :**

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek mula2 dalam perchubaan sa-lama tiga bulan dan di-kehendaki lulus pepereksaan jabatan sa-belum di-tetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kapada mereka untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Pengawal Lalulintas Udara yang akan meliputi latehan seberang laut dan latehan penerbangan sa-bagai juruterbang hingga ka-perengkat Private Pilot Licence.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Mach, 1978.

### TENDER NOTICE TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT

THE DIRECTOR of Telecommunications invites tenders for the erection of a perimeter fence at the Telephone Exchange, Tutong. Details can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications, Bandar Seri Begawan.

Tender in a sealed envelope, must be submitted to :

The Chairman.,
Tenders Board,
Ground Floor
Government Offices,
Bandar Seri Begawan

before midday on March 4th, 1978.

### NOTIS TAWARAN JABATAN TALIKOM

PENGARAH Talikom mempelawa tawaran2 bagi pembenaan pagar2 keliling di-Ibusawat Talipon, Tutong. Butir2 keterangan mengenai-nya boleh di-perolehi dari Pejabat Pengarah Talikom Bandar Seri Begawan.

Tawaran2, di-dalam sampul surat yang termateri, hendaklah di-alamatkan kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat Bawah
Bangunan2 Kerajaan,
Bandar Seri Begawan

sa-belum tengah hari pada 4hb Mach, 1978.

### SOIL INVESTIGATION FOR PROPOSED PIPELINE FROM SERIA TO KUALA BELAIT

TENDERS are invited from suitably qualified specialist contractors to carry out investigation on soil resistivity along the route of a proposed pipeline 10 miles in length from Seria to Kuala Belait.

Tender documents will be obtainable from the Government's Consulting Engineers, Watson (SE Asia), 40 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, from 8th February 1978. Application for documents must be accompanied by a tender fee in the form of a cheque for B$50.00 payable to the Government of Brunei and is not refundable.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tender Board not later than 1200 hours on 1st March 1978.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF COASTAL ROAD : MUARA — JERUDONG SECTION

TENDERS are invited from Public Works Department registered Class "A" contractors for construction and completion of COASTAL ROAD : MUARA-JERUDONG SECTION.

Tender documents will be obtainble from Tuesday, 28th February 1978 onwards at the office of M/s. Associated Consultants (Pte) Limited, Rooms 27 & 28, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal working hours on payment of a tender deposit of B$500.00. The tender deposit will be refunded to all tenderers who have submitted bona-fide tenders, and return of all documents and drawings.

Each tender shall be accompanied by a tender bond of B$25,000.00 (Brunei dollars : Twenty five thousand only). The tender bond shall be in the form of a cashier's cheque, or bank draft drawn in favour of the GOVERNMENT OF BRUNEI.

Any Tender without the tender bond will not be considered.

The tender documents all properly filled in and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei and prominently marked in the top left hand corner:—

Tender for construction and completion of COASTAL ROAD : MUARA — JERUDONG SECTION

and deliver to reach :

The Chairman,
Tenders Board, Brunei,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan.

NOT LATER THAN 12 NOON, ON TUESDAY 11TH APRIL 1978.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

The drawings shall be returned to the office of M/s. Associated Consultants Private Limited.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Electrical installation to the proposed Sports Complex at the Flotilla Base — Messrs Paramount (B) Pte Ltd — $163,519.60.
2. Supply of sugar Teck Liong Trading Co — $708.50 per metric ton.
3. Supply of beach sand to PWD Berakas Depot — Lian Heng Construction & Transport Co — $4.20 per ton.
4. MRS/Junior Ranks Club and Sergeants' Mess at Seria — Hiew Builders — $2,996,910.52 — 11 months.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 7 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th February, 1978 for :—

REPAIR AND FULL REDECORATION OF 6 DOORS BARRACK AT JALAN DATO IBRAHIM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 8 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th February, 1978 for :—

REPAIR AND INTERNAL/EXTERNAL RE-DECORATION OF BARRACK "A" P.W.D. 375, "B" P.W.D. 374, "C" P.W.D. 373 AND "D" P.W.D. 372 IN OLD DETENTION CAMP, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 9 OF 1978

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th February, 1978 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE EXISTING JALAN JERUDONG, BRUNEI-MUARA DISTRICT.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 10 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th February, 1978 for :—

EXTENSION TO BRANCH SEWERS R.B.M.R. CAMP, TUTONG.

NOTE :

SITE INSPECTION COMMENCING AT 0900 HRS. ENTRANCE GATE TO RBMR 2ND BATT. CAMP TUTONG ON THE 25TH FEBRUARY 1978.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 11 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th February, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF BREATHING APPARATUS PRACTICE CHAMBER FOR FIRE BRIGADE AT H.Q. FIRE BRIGADE OLD AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 12 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 7th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF ADDITIONS AND ALTERATIONS TO G.P.O. PARCEL SORTING OFFICE AT BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 13 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 7th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF A MID WIFE'S CLINIC AT TANJONG MAYA, TUTONG.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 14 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 7th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAIN AT ISTANA DARUS-SALAM SUMBILING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 15 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Earthworks Contractors by Tenders Board, Brunei up to noon on 7th March, 1978 for :—

EARTHWORKS FOR PROPOSED SCHOOL AT SENGKARAI, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## KUALA BELAIT P. W. D. TENDER NOTICE

### SERIAL No. KB 1 OF 1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas 'AX' sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 1hb Mach, 1978 bagi :—

PERUBAHAN KA-ANTHONY ABELL COLLEGE, SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 1 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" only and above P. W. D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1hb March, 1978 for :—

RENOVATION OF ANTHONY ABELL COLLEGE SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

### SURAT KUASA PESAKA No. 1/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Cheong See Choon, d/a Kampong Penabai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Teo Teck Kuan yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada mati.

### No. 2/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tujoh bte Kalam, d/a Kampong Merimbun, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kalam bin Bingkai yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada mati.

### No. 3/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tagu bte Anggih, d/a Kampong Nong Mayan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Anji bin Bingkai @ Anggih yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 4/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Puteh bte Banggon, d/a Kampong Sungai Tilong Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Banggoh bin Amit yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 5/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Amit bin Siling, d/a Kampong Sungai Beruang Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pileh bin Amit yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kapada mati.

### No. 6/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Kura bin Abu Bakar, d/a Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bakar bin Md. Salleh @ Abu Bakar yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 7/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Burut bin Tunggong, d/a Kampong Bukit Udal, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tunggong bin Ungau @ Engau yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 8/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohiddin bin Sisa/Sesa, d/a No. 9 Kampong Bunga Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Tiasah binte Razak yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 9/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Zain bin Yusof/Hassan, d/a Kampong Layong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Fatimah bte Arshad yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

### No. 10/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Braim bin Sarudin, d/a Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Menah bte Saat @ Siti Ranah bte Sahat yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

### No. 11/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jahit bin Sia, d/a Kampong Kiudang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sia bin Eyoi yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

### No. 12/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Hamidon bin Dollah, d/a Kampong Birau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bungso bin Menteri Taip yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

### No. 13/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tandang anak Pajih, d/a Kampong Seri Kenangan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Akoi anak Pagi @ Pajih yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 28 haribulan Februari, 1978, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 13hb Februari, 1978.

**Charlie Foo**
*Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.*

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of quantity 350 Sanyo Fan Table 16" 250 Volt to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp. Delivery is required in four phases. Each delivery is as follow :

Qty — 150 Immediate
Qty — 75 1st July 1978
Qty — 75 1st October 1978
Qty — 50 1st December 1978

The tender should state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 4.00 p.m. on Wednesday 8th March 1978. All tenders are to be submitted in a plain sealed envelopes and should be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT SANYO 16" FAN TABLE".

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# TITAH DYMM DI-PERHIMPUNAN MAULUD

Dari muka 1

maseh lagi kena pada tempat dan waktu-nya jika beta mengulangi-nya yang mana antara lain berbunyi: **"Bahawa zaman ini bukan-lah zaman yang di-kuasai oleh sa-suatu semata2 kuat di-tangan atau tagap di-badan saja, tetapi zaman ini ia-lah zaman kemajuan dan kesedaran yang di-pimpin oleh otak yang sehat, oleh tangan yang lemah lembut, oleh kelakuan, sopan santun, tutur-kata dan budi-bahasa yang baik."** Kata2 yang terkandong dalam ayat itu ada-lah sa-chuchok dengan ajaran2 Ugama Islam yang mana saperti kita sama2 maklum Ugama Islam berkembang melalui ilmu pengetahuan dan ia-nya melarang kejahilan kerana kejahilan atau tiada ilmu pengetahuan itu akan menimbulkan keburok2kan yang sangat besar.

Dalam hal ini Nabi kita Muhammad s.a.w. ada-lah sa-baik2 tauladan untok kita ikuti. Ilmu pengetahuan serta kesempurnaan budi-pekerti baginda ada-lah patut untok menjadi bahan yang wajib bagi kita dalam menjalankan peranan masing2 bagi menjayakan chita2 kita untok menjadikan negeri kita ini sa-buah negeri yang senantiasa di-bawah perlindongan Allah s.w.t. Dengan izin Allah Kerajaan beta telah dan sedang menyediakan berjenis2 kemudahan dalam Ranchangan Kemajuan Negara untok menchapai kehendak2 yang kita perlukan di-masa2 yang akan datang.

Beta berharap kaum belia di-negeri ini akan menyedari chita2 yang suchi murni ini dan hendak-lah mereka bersedia dari masa sekarang untok memainkan peranan yang sempurna dalam pembangunan negara dan menggunakan dengan baik kemudahan2 yang di-berikan kapada mereka dalam apa jua bidang supaya dengan jalan itu insha Allah pada masa yang akan datang kaum belia akan dapat berganding bahu dan bersama2 meneruskan tugas2 dan usaha2 yang telah di-mulakan oleh jenerasi yang tertua dari mereka. Dengan yang demikian segala usaha yang bermunafaat itu akan tetap berlanjutan sambong bersambong di-usahakan tiada berputus2 dari zaman ka-zaman.

Di-samping itu, pada hari yang berbahagia lagi berkat ini ada baik-nya juga gulongan ibubapa dan mereka yang di-tugaskan untok menjaga dan memimpin belia2 supaya menyedari akan tanggong-jawab mereka sa-bagai penjaga dan pengawas, supaya tidak akan membiarkan anak2 dan belia2 dalam jagaan mereka dari berkelakuan yang tidak senunoh yang akan mendatangkan akibah yang burok, bukan sahaja kapada pemuda pemudi atau belia2 itu sendiri, akan tetapi yang akan merosakkan kesejahteraan masharakat am-nya.

Ibubapa dan penjaga2 belia hendak-lah berhati2 pada mengawal dan mendidek anak2 mereka ka-arah yang berkebajikan yang di-redhai oleh Allah s.w.t. dan menanamkan semangat dan perasaan bertanggong-jawab kapada negeri dan masharakat. Mudah2an dengan berkat hari yang berbahagia dan berkat hati yang tulus ikhlas dalam memperingati hari yang mulia ini kita akan senantiasa di-dalam keadaan aman, sentosa lagi terselamat dan terus menekmati kebahagiaan dalam perlindongan Allah s.w.t.



Salah sa-buah pasokan hadrah yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulud pada hari Isnin.

# Mereka terpengaroh dgn. janji2 palsu

Dari muka 1

"Sekarang baharu saya menyedari bahawa Yassin Affandi dan Omar Tamin dan lain2 pemimpin PRB di-luar negeri itu ia-lah orang2 yang akan mengambil kesempatan dengan tak-tik2 kominis. Saya di-lakukan saperti bolasepak di-tendang mereka ka-sana sini, dan saya akhir-nya gol ka-pintu kejahanaman sa-hingga saya mengalami penderitaan mental," tegas-nya.

Awang Abu Bakar bin Haji Daud pula menyatakan yang beliau mulai bergerak sa-chara haram ini sejak tahun 1975 yang lalu. Dan menerima beberapa arahan dari pemimpin2 PRB, Omar Tamin dan Che'gu Latif untok menyibarkan risalah2 dan kad2 Selamat Hari Raya untok mempengarohi dan mengelirukan raayat dan pendudok di-negeri ini.

Sa-telah berulang alek ka-Limbang, dan menyedari perjuangan mereka itu tidak benar, beliau berasa kesal. Beliau juga menyatakan pernah memberi sedikit wang kapada orang2 pelarian yang kini berada di-Limbang yang menyatakan penghidupan mereka itu sunggoh sempit dan susah.

Awang Abu Bakar berusia 37 tahun dan berkhidmat dengan Jabatan Bomba di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-Berakas, sejak 11 tahun yang lalu.

Awang Yahya bin Metusain, 40 tahun dari Jabatan Laut, pula menyatakan yang beliau berjumpa Yassin Affandi dan Omar Tamin; menyuroh-nya membawa tape uchapan2 Sheikh Azahari dan Yassin Affandi sambil menyibarkan borang2 untok menjadi anggota PRB, menaborkan bendera ka-kampong2 serta menyibarkan risalah2 propaganda PRB.

"Akhir-nya, baru-lah saya menyedari yang saya telah di-buatkan alat dan di-tipu mereka sa-lama ini", jelas-nya.

Di-akhir sidang akhbar itu, mereka masing2 menyatakan pendirian-nya untok memberikan kerjasama kapada Kerajaan terutama pada mengekalkan keselamatan dan keamanan negeri ini sambil mengutok perjuangan dan pemimpin2 Partai Rakyat Brunei yang telah di-haramkan itu.



Tiga orang yang telah di-bebaskan itu (dari kiri): Awang Yahya bin Metusain, Awang Johari bin Abdul Latif dan Awang Abu Bakar bin Haji Daud, bergambar dalam satu sidang akhbar sa-jurus sa-belum mereka itu di-bebaskan.

# Kuatkan keimanan kapada Allah

Dari muka 1

dunia dengan melalui berbagai aneka saloran dan perhubongan, maka kedudokan kaum muslimin keselurohan-nya ada-lah terkepong oleh eleman2 yang anti Islam dan bukan Islam dan kaum muslimin terutama sekali pemuda-pemudi sesuggoh-nya terdedah kapada pengaroh2 yang dzahir-nya sangat menarek tetapi sangat membahayakan.

Dengan kedudokan dan keadaan ini, tambah-nya, umat Islam penting mempertahankan ka-aslian ugama Islam yang di-hajatkan sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi semporna itu dengan jalan beriman kapada Allah.

"Kalau di-zaman Nabi Besar Muhammad s.a.w. iman telah menjadi tenaga pembangun Islam sa-hingga melarat keseluroh pelusok dunia, maka dengan kekuatan iman juga yang harus menjadi tenaga penggerak, pembangun dan pembela Islam di-zaman yang ada sekarang," kata-nya.

"Saya penoh perchaya dengan kemudahan2 Ugama Islam yang bertambah luas yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM terutama sekali melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, akan dapat terus menerus memupok keperchayaan kita pada menguatkan keimanan kapada Allah s.w.t.", tegas Yang Berhormat itu.

Kata-nya lagi, tiap2 tenaga, tiap2 pengorbanan yang dengan ikhlas kita churahkan ada-lah di-jamin oleh Allah s.w.t. saperti dalam firman-Nya yang bermaksud **"Allah akan menolong mereka yang memperjuangkan ajaran-Nya. Sesunggoh-nya Allah itu maha berkuasa dan maha perkasa."**

Dari muka 1

Perarakan sa-jauh kira2 tiga batu batu itu telah di-dahululi oleh pasokan pencharagam Pulis Diraja Brunei.

Ini di-ikuti oleh satu barisan yang di-sertai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Yang Amat Berhormat Menteri Besar; pembesar2 negara dan ahli2 Jawatankuasa Sambutan.

Sa-telah selesai perarakan itu, peserta2 berkumpul semula di-padang tersebut.

Sambutan yang sama juga telah di-adakan di-Pekan Bangar pada hari yang sama. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah hadhir dalam perhimpunan dan perarakan tersebut.

Sambutan Maulud di-Daerah2 Belait dan Tutong akan di-adakan pada hari Ahad 26hb Februari ini.

# Ahli J/K A.A.C.

SERIA. — Satu mashuarat bagi memileh ahli2 jawatankuasa Maktab Anthony Abell, Seria telah di-adakan baru2 ini.

Ahli2 Jawatankuasa baru yang di-pileh dalam mashuarat tersebut ada lah saperti berikut:

Pengerusi — Awang Suyoi bin Osman, Pengetua Maktab Anthony Abell; Timbalan Pengerusi—Yang Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit; Setiausaha — Awang Ahmad bin Hussin sementara Aminah binte Ismail dan Abdul Hadis bin Tarif, sa-bagai Penolong-nya; Bendahari — Pengiran Salleh bin Pg Mohammad; Penolong Bendahari — Pg Ahmad bin Pg Haji Sulaiman. Awang Yassin bin Haji Yusof dan Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani masing2 di-pileh sa-bagai Pemereksa Kira2.

Sa-lain dari itu sa-ramai 30 orang juga telah di-pileh sa-bagai ahli2 jawatankuasa yang mewakili kampong2 dan lorong.

# Banchi Ekonomi bagi Perusahaan Perniagaan

SA-TELAH menyiapkan Pengkajian Perbelanjaan Keluarga dalam tempoh 12 bulan yang lalu, Yunit Peranchang Ekonomi Pejabat Setia Usaha Kerajaan mulai minggu lalu telah melancharkan pula satu lagi pengkajian ia-itu Banchi Ekonomi bagi Perusahaan Perniagaan.

Menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Yunit tersebut bahawa banchi yang akan di-jalankan itu akan di-laksanakan di-bawah Undang2 Perangkaan, 1975 yang mula di-kuatkuasakan pada 1hb Ogos, 1976.

Tujuan di-adakan banchi tersebut ia-lah untok mendapatkan keterangan2 yang tertentu mengenai sharikat2 dan yunit2 perusahaan tidak termasok peniaga2 sayor2an, buah2an, daging dan ikan.

Keterangan2 yang di-kehendaki dalam banchi itu ia-lah saperti jenis pertubohan, pemilekan modal, jenis perniagaan, bilangan pekerja2, pendapatan dan perbelanjaan serta juga tanggongan dan harta-benda sharikat dan yunit2 yang berkenaan.

Segala keterangan yang di-dapati dari sharikat2 dan yunit2 perniagaan itu akan di-gunakan semata2 bagi maksud perangkaan dan tidak akan di-bochorkan kapada sa-siapa dalam apa chara jua pun. Begitu juga, jika kira2 yang di-perjeniskan itu di-terbitkan, kira2 itu akan di-gabongkan sa-begitu rupa supaya tidak akan menunjokkan angka2 sa-sebuah perusahaan yang berkenaan.

Menurut kenyataan itu, keterangan2 yang lebeh luas akan di-kehendaki dari sharikat2 berhad dan sharikat2 dan yunit2 yang menjalankan perniagaan sa-chara besar2an dan mereka ini ada-lah di-kehendaki memberikan keterangan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ia-itu dari tahun 1974 hingga 1976. Lain2 sharikat kechil hanya di-kehendaki memberikan keterangan bahtahun 1976 sahaja.

Jadual2 lengkap yang di-perolehi dari banchi itu akan di-analisa di-Yunit Peranchang Ekonomi untok membentok satu rangkaian kira2 yang penoh bererti dari segi ekonomi yang akan membolehkan di-buat penganggaran jumlah besar yang penting, saperti hasil keluaran kasar dalam negeri menurut jenis kegiatan ekonomi, simpanan, sumber2 dan kegunaan2 kumpolan wang, pembentokan modal menurut jenis kegiatan ekonomi dan lain2 lagi. Jadual lengkap di-jangka akan di-terima menjelang akhir bulan April ini.

Satu rangkaian jadual beserta butir2 keterangan yang lengkap telah di-sediakan yang akan menjadi asas bagi banchi yang di-chadangkan itu. Sa-lain dari itu, Yunit Peranchang Ekonomi juga telah menyiapkan satu senarai yang berjumlah lebeh dari 4,000 buah sharikat dan yunit samada di-dalam mahu pun di-luar bandar di-seluroh negeri, sa-bagai persiapan untok melancharkan pengkajian tersebut.

Banchi yang akan di-jalankan itu dan Pengkajian Perbelanjaan Keluarga yang telah di-laksanakan serta lain2 penyelidekan pengkajian yang akan di-jalankan pada masa hadapan bertujuan untok membentok satu sistem perangkaan yang sempurna bagi Brunei.

Dengan ada-nya perangkaan yang di-maksudan itu, tidak di-ragukan lagi satu proses yang menggunakan banyak tenaga dan masa tetapi hanya-lah dengan pembentokan satu sistem saperti ini Kerajaan akan boleh mengharapkan untok mendapatkan satu sumber keterangan2 yang berterusan yang mana ia-nya ada-lah penting bagi tujuan2 dasar dan peranchangan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.